8. Apakah tahap karangan pelajar berdasarkan bilangan kesalahan ayat majmuk aktif?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Batasan Kajian

Segala hasil kajian ini terbatas kepada aspek-aspek berikut, iaitu,

1. Jenis-jenis ayat majmuk yang digunakan oleh pelajar dianalisis berdasar kepada kerangka Tatabahasa Dewan (Edisi Baharu, 1993) sahaja,
2. Jenis-jenis kesalahan ayat majmuk yang dilakukan oleh pelajar ditentukan berdasarkan konsep salah-betul yang dihuraikan oleh Tatabahasa Dewan (Edisi Baharu, 1993), Asmah Hj. Omar (1993), dan Raminah Hj Sabran (1983) sahaja.
3. Aspek bahasa yang dikaji dalam contohan karangan pelajar ialah ayat-ayat majmuk aktif sahaja, iaitu ayat majmuk gabungan, pancangan dan campuran. Ayat majmuk pasif tidak dikaji dalam kajian ini.
4. Unsur bahasa yang dikaji dalam karangan pelajar ialah unsur tatabahasa (sintaksis) sahaja, manakala unsur isi dan penyusunan idea tidak dikaji.
5. Sampel yang dipilih hanyalah pelajar Tingkatan Enam Rendah Sekolah Menengah Kebangsaan Buyong Adil (SMKBA), Tapah, Perak pada tahun 2000. Sampel ini merupakan pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai salah satu pakej STPM tahun 2001.
6. Sampel yang dipilih seramai 70 orang sahaja. Senarai sampel diambil daripada Buku Daftar Pelajar Tingkatan 6RY dan 6RO yang berakhir pada 31 Oktober 2000. Smpel ini dapat memberi gambaran sebenar tentang kemampuan pelajar tingkatan enam menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ayat majmuk aktif kerana sampel ini mewakili pelbagai kaum, jantina, pencapaian Bahasa Melayu peringkat SPM dan latar belakang keluarga.

7. Data yang diperoleh hanyalah menggambarkan kemampuan pelajar Tingkatan Enam Rendah 2001 aliran kemanusiaan menggunakan ayat-ayat majmuk.

8. Bahan kajian yang digunakan bagi memperoleh data daripada sampel ialah karangan pelajar dalam tajuk karangan yang terdapat dalam peperiksaan akhir tahun (PAT), tahun 2000 sahaja (lihat lampiran A). Panjang karangan itu terbatas kepada 700 patah perkataan sahaja.

9. Segala data yang dikaji hanyalah contoh yang diperoleh semasa Peperiksaan Akhir Tahun sahaja.

10. Soalan-soalan kajian dianalisis dengan menggunakan teknik deskriptif iaitu kekerapan, peratus dan purata.

Walau bagaimanapun, hasil kajian ini boleh digeneralisasikan kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar lain, kecuali bagi sekolah-sekolah yang mempunyai persekitaran yang tidak sama. Seterusnya, hasil kajian ini juga diharapkan dapat memperlihatkan situasi sebenar kemampuan pelajar Tingkatan Enam Rendah di seluruh negara dalam menggunakan ayat majmuk aktif agar langkah-langkah positif boleh diambil bagi mengatasi kesalahan-kesalahan bahasa yang sering mereka lakukan.

1.8 Definisi Operasional

Berikut dijelaskan beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini.

I. Kekerapan

Dalam kajian ini kekerapan bermaksud kadar penggunaan dan kadar berlakunya kesalahan ayat-ayat majmuk yang terdapat dalam karangan. Kadar penggunaan ini diukur dalam kekerapan, peratus dan purata.

II. Penggunaan

Kamus Dewan (1996: 418), mendefinisikan penggunaan sebagai perihal menggunakan sesuatu. Atan Long (1980: 167) pula mendefinisikan penggunaan sebagai kebolehan menggunakan pengetahuan dalam situasi baharu. Ini termasuklah menggunakan berbagai-bagai aturan, kaedah, prinsip, undang-undang dan teori. Dalam konteks kajian ini, penggunaan bermaksud kemampuan pelajar menggunakan ayat-ayat majmuk yang pelbagai jenis, sama ada dalam bentuk yang gramatis atau tidak berdasarkan rumusan **Tatabahasa Dewan (Edisi Baharu**, 1993) (TBDEB), **Nahu Melayu Mutakhir** (Asmah Hj. Omar, 1993) (NMM), dan Raminah Hj. Sabran (**Analisis Kesalahan Nahu,** 1983).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

III. Kemampuan

Kemampuan bererti keupayaan pelajar menggunakan ayat-ayat majmuk aktif yang gramatis dan pelbagai jenis dalam hasil penulisan berdasarkan kerangka TBDEB (1993), NMM (1993) dan Analisis Kesalahan Nahu Raminah Sabran (1983).

IV. Hasil Penulisan karangan

Penulisan karangan pelajar dalam kajian ini ialah karangan yang dihasilkan pelajar semasa kajian dijalankan. Karangan pelajar dikutip semasa peperiksaan akhir tahun dijalankan. Hasil penulisan karangan pelajar dikutip dan dianalisis bagi menjawab soalan-soalan kajian. Tajuk-tajuk karangan dalam kajian ini ialah tajuk yang terdapat dalam soalan Peperiksaan Akhir Tahun sebenar, iaitu tahun 2000.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

V. Kesalahan

Tarigan (1990: 75), mengatakan bahawa Kesalahan (error) dan kesilapan (mistake) mempunyai maksud yang berbeza. Menurut Tarigan, kesilapan berhubung kait dengan prestasi atau kecekapan menguasai rumus-rumus bahasa dan terjadi dalam masa yang pendek. Manakala kesalahan pula bersangkutan dengan kompetensi atau kebolehan berbahasa. Kesalahan biasanya terjadi secara konsisten dan akan semakin berkurangan jika tahap pemahaman semakin meningkat. Sementara itu, Juriah *et al.* (1994: 308), mendefinisikan kesilapan bahasa sebagai suatu bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa baku penutur jati. Oleh itu, dalam kajian ini, semua kesilapan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesalahan yang dilakukan oleh pelajar diklasifikasikan sebagai kesalahan kerana setiap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar berlaku secara berulang.

VI. Pelajar Tingkatan Enam Rendah

Pelajar yang menjadi sampel dalam kajian ini ialah pelajar tingkatan enam rendah yang akan mengambil kertas Bahasa Melayu dalam peperiksaan STPM 2001 di Sekolah pengkaji sendiri iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Buyong Adil, Tapah, Perak. Mereka berumur antara 18-19 tahun. Mereka juga telah mendapat pendidikan formal selama 11 tahun dan terdiri daripada pelbagai kaum (Melayu dan bukan Melayu), jantina, latar belakang pendidikan keluarga dan taraf sosioekonomi.

VII. Tahap Karangan Pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tahap karangan pelajar ialah piawai untuk menilai gred karangan yang dihasilkan oleh pelajar. Piawai ini dibuat berdasarkan skor yang diperkenalkan oleh Heaton (1979: 137). Skor yang digunakan bagi menilai tahap atau peringkat karangan pelajar tersebut ialah:

5 = sangat baik

4 = baik

3 = sederhana

2 = lemah

1 = sangat lemah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, penilaian terhadap peringkat atau gred karangan pelajar diperinci berdasarkan bilangan kesalahan ayat majmuk aktif yang dihasilkan oleh pelajar dalam penulisan mereka.

VIII. Pendidikan Formal

Pendidikan Formal ialah pendidikan sepenuh masa yang diikuti oleh pelajar. Dalam konteks ini, pelajar mengikuti pendidikan formal selama 11 tahun dan juga diandaikan, telah belajar bahasa Melayu secara formal selama 11 tahun.

IX. Latar Belakang Pendidikan Keluarga

Dalam kajian ini, latar belakang pendidikan keluarga bermaksud taraf pendidikan yang dimiliki oleh ibu bapa atau penjaga pelajar. Dalam kajian ini, taraf pendidikan keluarga pelajar dibuat berdasarkan tiga tahap, iaitu:

a. Berpendidikan Tinggi (berkelulusan STPM, diploma dan yang setaraf dengannya seperti Sijil Jururawat, dan ijazah),

b. Sederhana (berkelulusan SPM dan yang setaraf dengannya seperti MCE, SPMV dan sebagainya), dan

c. Rendah (kelulusan sekolah rendah dan tidak bersekolah).

X. Taraf Sosioekonomi Keluarga (SES)

Taraf atau status sosioekonomi pelajar ditentukan pada tahap pendapatan yang diperoleh oleh ibu bapa atau penjaga pelajar serta jenis pekerjaan mereka. Dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini status sosio-ekonomi merujuk kepada jumlah pendapatan bulanan ibu bapa atau penjaga, seperti yang dibuat oleh Fatanah Mohamed (1997), iaitu:

a. SES Rendah (berpendapatan kurang daripada RM 1000 sebulan).
b. SES Sederhana-Rendah (berpendapatan antara RM 1000 - RM 1999 sebulan).
c. SES Sederhana-Tinggi (berpendapatan antara RM 2000 – RM 2999 sebulan).
d. SES Tinggi (berpendapatan lebih RM 3000 sebulan).

XI. Pencapaian Bahasa Melayu

Pencapaian Bahasa Melayu pelajar dalam kajian ini didefinisikan sebagai pencapaian mereka dalam peperiksaan SPM tahun 2000. Pencapaian ini dilihat daripada tiga kategori, iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Penentuan gred tersebut dibuat berdasarkan pengubahsuaian terhadap gred sebenar bagi Kertas Bahasa Melayu, peringkat SPM yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Pengubahsuaian ini dilakukan kerana tidak terdapat pelajar yang memperoleh Pangkat Lulus (gred 7 dan 8) kerana syarat kemasukan ke Tingkatan Enam Rendah ialah sekurang-kurangnya mendapat Pangkat Kepujian (minimum gred 6) dalam Bahasa Melayu. Oleh itu, penentuan gred pencapaian pelajar dikelaskan seperti berikut:

a. Pencapaian Tinggi (gred 1 dan 2)
b. Sederhana-Tinggi (gred 3 dan 4)
c. Sederhana-Rendah (gred 5 dan 6)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

XII. Bahasa Ibunda

Bahasa ibunda ialah bahasa pertama bagi seseorang penutur. Dalam kajian ini, bahasa ibunda bagi pelajar Melayu ialah bahasa Melayu Dialek, sama ada Dialek Rawa, Perak dan sebagainya. Manakala bahasa ibunda bagi pelajar Cina dan India ialah bahasanya sendiri. Selain itu, bahasa ibunda bagi pelajar Asli ialah bahasa Asli seperti Temiar dan sebagainya.

XIII. Bahasa Kedua

Ellis (1994: 11), mendefinisikan bahasa kedua sebagai sebarang bahasa yang lain daripada bahasa ibunda. Dalam konteks kajian ini, bahasa Melayu Standard (Baku) merupakan bahasa kedua bagi pelajar Melayu kerana pelajar Melayu menggunakan dialek sebagai bahasa pertama. Begitu juga dengan pelajar Cina, India dan Asli.

XIV. Ayat

Menurut Nik Safiah Karim *et al.* (1993), ayat bermaksud pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap, diucapkan dengan intonasi yang sempurna, dimulakan dan diakhiri dengan kesenyapan. Dalam kajian ini, ayat didefinisikan sebagai semua ayat yang dihasilkan oleh pelajar, sama ada yang gramatis atau tidak, dalam hasil penulisan karangan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan terhadap Pelajar Tingkatan Enam Rendah ini bertujuan untuk meninjau sejauh mana kemampuan mereka menggunakan ayat majmuk dalam hasil penulisan karangan. Kajian ini dilakukan bagi menjawab soalan-soalan kajian yang telah dikemukakan. Di samping itu, kajian ini dijalankan berdasarkan definisi operasional yang telah dijelaskan dalam bab ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB II

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan mengetengahkan hasil-hasil kajian dan penulisan tentang penggunaan ayat majmuk yang dilakukan oleh para sarjana di dalam atau di luar negara.

2.2 Kajian Terhadap Penggunaan Ayat Majmuk dan Kaitannya dengan Pelbagai Faktor

I. Kajian di Dalam Negara

Juriah Long (1993: 170), dalam kajiannya terhadap penggunanan ayat majmuk dan ayat tunggal di kalangan kanak-kanak berumur 5 hingga 6 tahun, mendapati kanak-kanak tersebut boleh menggunakan ayat-ayat tersebut dengan baik. Contoh-contoh ayat majmuk gabungan yang digunakan oleh kanak-kanak tersebut ialah:

1. Saya naik naik keretapi *dan* motorbot itu.
2. Ia ada habuk *dan* ada kuman.
3. Cik Mek tu niaga *tapi* dia tak kaya pun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajiannya juga boleh menunjukkan kanak-kanak boleh menggunakan ayat majmuk pancangan. Contohnya ialah:

4. Orang *yang bawa kereta* tak mati
5. *Kalau boleh menari* emak suka hati.

Kajiannya juga menyatakan bahawa kanak-kanak itu boleh menggunakan ayat majmuk campuran. Contohnya ialah:

6. Saya kata kuat-kuat *sampai cikgu dengar dan* dia malu.
7. *Kalau tidur malam*, adik kencing malam *atau* tidak kencing.

Ab. Razak Ab. Karim (1995), menganalisis penggunaan pelbagai jenis ayat, termasuk ayat majmuk di dalam novel **Kemelut** karya Shahnon Ahmad. Berdasarkan analisis novel ini, pengarang memang menggunakan ketiga-tiga ayat majmuk ini. Binaan ayat majmuk yang dihasilkan oleh penulis mengalami pelbagai proses dan proses yang paling ketara ialah proses pengguguran dan penyusunan semula. Perkara yang menarik tentang penggunaan ayat majmuk gabungan Shahnon Ahmad ialah, tidak semua ayat majmuk yang digunakannya mempunyai kata penanda ayat majmuk gabungan. Beliau membentuk ayat majmuk gabungan dengan menggunakan tanda koma, contohnya:

8. Pak Karim mengeluarkan cerita, ditokok oleh Pak Isa, dicelah lagi oleh Pak Darus Bagok (hlm. 56).
9. Pak Isa, Pak Karim, Pak Husin sudah ada bila selesai sembahyang Isya (hlm. 69).

Selain itu, berdasarkan analisis terhadap ayat relatif yang digunakan oleh Shahnon, didapati beliau menggunakan pelbagai cara yang menarik untuk memancangkan ayat kecil kepada ayat besar. Contoh ayat tersebut ialah:

10. Mak Timah terkejut juga mendengar suara Rokiah *yang pulang lebih awal.*

Dalam ayat di atas, terdapat tiga ayat tunggal yang menjadi konstituen binaan ayat tersebut. Ayat-ayatnya ialah:

11. Mak Timah terkejut juga.
12. Mak Timah mendengar suara Rokiah.
13. Rokiah pulang lebih awal.

Oleh sebab ayat pertama dan kedua mempunyai subjek yang sama dan predikatnya berlainan, maka berlakulah penggabungan kedua-dua ayat tersebut dengan menggugurkan subjek dalam ayat kedua. Ayat yang terhasil ini kemudiannya menjadi ayat induk dan ayat kecil (ayat 13) lalu dipancangkan ke dalam ayat induk. Dalam proses pemancangan ini, berlaku pengguguran pada objek tepat dalam ayat kedua yang juga menjadi subjek dalam ayat ketiga.

Kesimpulannya, berdasarkan analisis yang dibuat terhadap bahasa pengarang novel **Kemelut** ini beberapa perkara dapat diketengahkan sebagai ciri utama bahasa penulis. Pertamanya, pengarang gemar menggunakan pelbagai ragam ayat, Ayat yang digunakan sering kali mengalami pengguguran sama ada subjek, predikat atau kata hubung. Hal ini menyebabkan ayat majmuk yang terhasil padat dan sukar dikesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pengarang juga gemar menggunakan gaya penyongsangan ayat, khusus dalam ayat majmuk. Proses ini menghasilkan pelbagai bentuk ayat majmuk yang turut mengalami proses pengguguran, peluasan dan penyusunan semula.

Abdullah Yusof (1999), mengkaji penggunaan ayat majmuk pancangan dalam novel **Ampangan** karya Zakaria Ali. Dalam kajiannya, beliau mendapati, daripada 25 sampel ayat yang dipilih, sebanyak 148 ayat majmuk pancangan dapat dikumpulkan. Dalam kajiannya, ayat pancangan komplemen merupakan ayat pancangan yang paling kerap digunakan iaitu sebanyak 35.81%. Kajian ini sekaligus menolak andaian yang mengatakan bahawa ayat majmuk pancangan tidak kerap digunakan. Malah, penggunaan pelbagai bentuk ayat majmuk ini dapat mengindahkan lagi susunan sesuatu ayat dalam sesebuah novel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Abdul Jalil Othman (1997), pula mengkaji kesan teknik penggabungan ayat (TPA) terhadap pertautan dalam karangan pelajar Tingkatan 1. Kajian ini dijalankan berdasarkan teoritis eksperimen dan tujuannya untuk melihat sejauh mana keberkesanan TPA terhadap pertautan dalam karangan pelajar di sebuah sekolah. Subjek kajian ini terdiri daripada 80 orang pelajar dan dibahagi kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan rawatan dan kawalan. Pelajar dalam kumpulan rawatan didedahkan dengan TPA. Semua pelajar dalam kajian ini diberikan dua ujian iaitu ujian pos dan ujian pra. Hasil kajian ini ialah TPA memberikan kesan yang positif kepada para pelajar untuk menghasilkan pertautan dalam karangan pelajar. Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pertautan ayat antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Kajian ini menunjukkan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebolehan pelajar menggabungkan ayat dapat dibentuk jika teknik yang bersesuaian dijalankan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Siti Ramlah Bakri (1997), mengkaji kesan penggunaan TPA terhadap ayat-ayat majmuk dalam penulisan karangan pelajar. Kajian bentuk eksperimen ini cuba meninjau kesan TPA terhadap dua kumpulan kajian, iaitu kumpulan kawalan dan rawatan. Bilangan sampelnya ialah 24 orang iaitu 12 orang kumpulan kawalan dan selebihnya kumpulan rawatan Hasil kajian ini ialah pelajar yang diberi rawatan berupaya meningkatkan kebolehan menggabungkan ayat-ayat majmuk berbanding kumpulan kawalan.

Sanat Md. Nasir (1985), pula mengkaji ayat majmuk komplemen yang terdapat dalam berbagai-bagai jenis surat khabar dan majalah yang diterbitkan pada masa kajian itu dijalankan. Data-data kajiannya ayat-ayat majmuk jenis penyata yang diambil daripada ruangan Lidah Pengarang (akhbar) dan esei-esei bulanan atau laporan khas (majalah). Antara akhbar dan majalah yang menjadi bahan kajiannya ialah Berita Harian, Utusan Malaysia, Mastika dan sebagainya. Tujuan kajiannya ialah untuk memberikan satu gambaran menyeluruh tentang ayat komplemen BM dengan menggunakan rangka tranformasi.

Selain itu, kajian Ismail Salleh (2000: 10), mendapati bahawa 80 peratus pelajar gagal mengesan jenis ayat majmuk gabungan berdasarkan penanda atau kata hubung *dan*.

Seterusnya, kajian yang dibuat oleh S. Nathesan (1995) pula memberi sumbangan yang yang bermakna kepada bidang pendidikan di sekolah. Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini bertujuan untuk meninjau sama ada laras bahasa yang digunakan dalam buku-buku teks di sekolah merupakan laras bahasa yang sedia ada dalam bahasa Melayu atau laras bahasa yang sendiri mengikut mata pelajaran tertentu. Kaedah bersifat deskriptif ini menggunakan kaedah analisis linguistik. Sejumlah enam jenis buku teks yang digunakan pada tahun 1990 bagi enam mata pelajaran teras Tingkatan Dua, dikaji. Buku-buku teks tersebut ialah teks Bahasa Malaysia, Matematik, Sains, Sejarah, Geografi dan Pendidikan Islam. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan ayat majmuk dalam buku teks Tingkatan Dua amat meluas dan sangat ketara. Secara puratanya, ayat majmuk digunakan sebanyak 78.4%. Sementara itu, secara perbandingan, laras buku teks Geografi menunjukkan kekerapan ayat majmuk yang tinggi, iaitu 76.1%, manakala laras buku teks Bahasa Malaysia menunjukkan penggunaan yang paling rendah (53.4%). Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa antara ayat-ayat majmuk yang digunakan dalam buku teks, didapati ayat majmuk campuran menjadi ayat yang paling dominan, iaitu 32.3%. Misalnya, dalam buku teks Sejarah, ayat ini digunakan sebanyak 37.3%. Namun demikian, dalam buku teks Bahasa Malaysia, ayat majmuk relatif lebih kerap digunakan berbanding dengan laras bahasa buku teks yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Arockiamary (1992) pula mengkaji penggunaan ayat majmuk dalam teks klasik, iaitu Sejarah Melayu. Tujuan kajiannya ialah untuk memperoleh gambaran menyeluruh tentang penggunaan ayat dalam teks klasik ini. Beliau menganalisis 773 ayat daripada 50 halaman yang dipilih secara rawak. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa daripada 773 sampel ayat yang dukutip, 638 (82.53%) daripadanya ialah ayat majmuk. Daripada jumlah ayat majmuk ini, 180 atau 23.29% ayat terdiri daripada ayat majmuk gabungan, 9 (1.16%) ayat relatif, 56

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(7.24%) ayat komplemen, 66 (8.54%) ayat keterangan dan 327 (42.3%) ayat majmuk campuran. Kajian ini menunjukkan bahawa Sejarah Melayu dipenuhi dengan ayat majmuk dan ini memperlihatkan salah satu ciri bahasa Melayu lama.

Ahmad Khair Mat Nor (1997), juga mengkaji tentang pengunaan ayat majmuk gabungan di kalangan pelajar Tingkatan Empat. Subjek kajian ini berjumlah 76 pelajar sekolah menengah di Petali Jaya. Data kajian diperoleh daripada penulisan karangan pelajar dan soal selidik. Penulisan karangan digunakan untuk mendapatkan data tentang jenis-jenis ayat majmuk gabungan dan soal selidik pula digunakan untuk mendapatkan data tentang pengetahuan pelajar terhadap ayat majmuk gabungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar menggunakan pelbagai jenis ayat majmuk gabungan. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa penggunaan ayat majmuk gabungan jenis predikat dengan predikat digunakan dengan kerap oleh sampel, iaitu sebanyak 316 ayat atau 41.06%. Kajian ini juga menunjukkan bahawa kumpulan sampel pencapaian tinggi lebih banyak menggunakan ayat majmuk gabungan berbanding dengan kumpulan sampel pencapaian rendah. Selain itu kajian ini juga memperlihatkan bahawa sampel lelaki lebih kurang mengunakan ayat majmuk gabungan berbanding sampel wanita.

Mohammed Najib Awang Kecik (1999), pula menjalankan kajian tentang pemakaian ayat majmuk dalam skrip jawapan peperiksaan Geografi pelajar Tingkatan Lima. Sampel skrip jawapan dipetik daripada peperiksaan percubaan Geografi Kertas 2 peringkat daerah Kuala Krai, Kelantan. Hasil kajian menunjukkan bahawa daripada 250 sampel ayat yang dikumpulkan, 156 ayat (62.40%) dikenal pasti sebagai ayat majmuk pancangan, 25 ayat (10%) ayat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

majmuk gabungan dan 15 ayat (6%) ayat majmuk campuran. Antara majmuk pancangan, ayat majmuk keterangan mendominasi skrip tersebut, iaitu 65 ayat atau 26% daripada keseluruhan ayat yang terdapat dalam sampel ayat.

Penggunaan ayat majmuk dalam teks ucapan juga dikaji. Nor Aini Mohd. Nor (1997) misalnya, mengkaji pengaplikasian ayat majmuk dalam teks ucapan perhimpunan di peringkat sekolah. Bagi mengumpulkan data, beliau mengumpulkan 5 buah teks ucapan di 5 buah sekolah di Kuala Krai, Kelantan. Hasil kajian menunjukkan bahawa daripada 345 sampel ayat yang dikumpulkan, 247 ayat (71.16%) ialah ayat majmuk. Antara ayat majmuk yang digunakan, ayat majmuk pancangan merupakan ayat majmuk yang paling kerap digunakan dan ayat majmuk campuran, yang paling kurang.

Khatijah Abdul Hamid (1984), pula menganalisis penguasaan sintaksis dalam karangan pelajar tingkatan 4. Dalam kajiannya beliau cuba mendapat data mengenai penguasaan panjang dan kompleksiti struktur sintaksis. Contohan kajiannya terdiri daripada 72 orang murid lelaki dan perempuan di sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur. Pembahagian murid berdasarkan kumpulan bertutur bahasa Melayu (BM) dan bukan bertutur BM, dan kumpulan pencapaian tinggi dan rendah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Sumber datanya ialah 216 buah karangan. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa kumpulan penutur BM menguasai lebih min panjang unit T daripada kumpulan bukan penutur BM dengan perbezaan yang signifikan pada paras 0.001. Kesimpulannya, penutur jati BM lebih berupaya membina ayat-ayat yang panjang dan kompleks berbanding dengan penutur bukan BM.

2.3 Kajian Terhadap Analisis Kesalahan Ayat Majmuk dan Kaitannya dengan Pelbagai Faktor

Kajian penggunaan ayat majmuk dalam penulisan banyak dilakukan. Kajian ini dilakukan bagi meninjau penggunaan ayat majmuk dalam pelbagai kemahiran bahasa bahasa, sama ada kemahiran lisan mahupun tulisan.

I. Kajian di Luar Negara

Arpan Shahbudin Latip (1998), mengkaji hasil karangan 186 pelajar sekolah agama Peringkat Thanawi Lima di negara Brunei Darul Salam. Dalam kajiannya, beliau menemui, 1372 (45.87%) daripada jumlah seluruh kesalahan bahasa ialah kesalahan ayat. Daripada 1372 kesalahan tersebut, 958 (70%) ialah kesalahan ayat majmuk. Pecahan bagi setiap kesalahan ayat majmuk adalah seperti berikut, iaitu:

a. Ayat majmuk gabungan (215 kesalahan atau 22%)
b. Ayat majmuk pancangan (262 kesalahan atau 26%)
c. Ayat majmuk campuran (481 kesalahan atau 52%)

Berdasarkan kenyataan di atas, jelas bahawa kesalahan ayat majmuk campuran merupakan kesalahan yang paling kerap dilakukan oleh pelajar. Selain itu, kajian beliau juga turut menyatakan bahawa pelajar lelaki lebih kerap melakukan kesalahan berbanding dengan pelajar perempuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohamed Nawawi Mohamed Rahace (1994), dalam kajiannya pula mengkaji kesalahan bahasa yang dilakukan oleh 220 orang pelajar Menengah Dua di Singapura berdasarkan keturunan, aliran dan pencapaian akademik dalam Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah. Pengkaji memperoleh data daripada ujian tatabahasa dan karangan. Dalam kajian ini, pengkaji bahawa pelajar melakukan kesalahan ayat kerana mereka tidak mematuhi pola ayat bahasa Melayu. Kebanyakan pelajar lemah ketika menggunakan Kata Sendi Nama dalam ayat. Di samping itu, kajian ini juga mendapati bahawa:

1. Terdapat perbezaan yang signifikan antara Kumpulan Bahasa Melayu Ekspres Tinggi dengan Kumpulan Bahasa Melayu Ekspres Rendah dari segi struktur ayat.
2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara Kumpulan Bukan Melayu Normal Tinggi dengan Kumpulan Melayu Normal Tinggi dari segi struktur ayat.
3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada aspek struktur ayat antara Kumpulan Melayu Ekspres Tinggi dengan Kumpulan Bukan Melayu Ekspres Tinggi.

II. Kajian di Dalam Negara

Alias Shamsuddin (1969), dalam kajiannya, menganalisis 797 buah karangan yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar Tingkatan Lima di beberapa buah sekolah menengah Inggeris dan Cina di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Perak, Seremban dan Melaka. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa 88% sampel melakukan kesalahan bahasa. Kesalahan tersebut ialah kesalahan ayat (5%), klausa (4%)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan penggunaan perkataan (3%). Antara punca yang menyebabkan kesalahan ini ialah gangguan bahasa ibunda serta kaedah pengajaran yang kurang berkesan.

Dahnil Adnani (1985: 257), dalam kajiannya terhadap kesalahan ayat dalam hasil penulisan kademik di kalangan tiga pembentang kertas kerja, iaitu dalam bidang pengajaran sastera, Kesusasteraan Melayu dan Sejarah Melayu di peringkat kebangsan mendapati bahawa mutu penggunaan bahasa dalam penulisan akademik tersebut kurang memuaskan. Dalam kajiannya, beliau mendapati ketiga-tiga pembentang kertas kerja tersebut melakukan 92 kesalahan ayat. Contoh kesalahan ayat, khususnya ayat majmuk gabungan ialah:

20. Kalau adapun mereka menyentuh aspek-aspek ekonomi, politik, sains dan agama misalnya hanya menyentuh pada kulit...

21. ... bukan sahaja kerana patah hati tetapi ... keadaan pemerintahan dan tindak tanduk ...

Ayat ini sepatutnya begini:

20a. Kalau ada pun menyentuh..., pelajaran ini hanya menitikberatkan ...

21a. ... bukan sahaja kerana patah hati tetapi kerana keadaan pemerintahan penjajahan dan ...

Selain itu, terdapat juga kesalahan penggunaan ayat relatif. Contohnya ialah:

22. Ajaran-ajaran disebarkan di mana menegaskan ...

23. Penulis di masa-masa akan datang.

Ayat sepatutnya ialah:

22a. Ajaran-ajaran yang disebarkan menegaskan ...

23a. Penulis pada masa-masa yang akan dating.

Berdasarkan dapatan di atas, jelaslah bahawa akademik juga melakukan kesalahan bahasa dalam hasil penulisan mereka.

Awang Mohamad Amin (1990), mengkaji kesalahan bahasa di kalangan pelajar tingkatan 4 di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Analisis terhadap kesalahan ayat menunjukkan bahawa kesalahan ayat berlapis (ayat majmuk) paling kerap dilakukan oleh pelajar. Selain itu, beliau mendapati bahawa kesalahan ayat banyak dilakukan oleh pelajar bandar dan pelajar lelaki.

Khatijah Abdul Hamid (1995), pula meninjau pencapaian tatabahasa semantik dalam teks karangan pelajar dan hasilnya, beliau mendapati bahawa pelajar banyak membuat kesalahan tatabahasa dalam karangan. Contoh kesalahan ayat tersebut ialah:

24. Saya ingat (dulu) (saya kawan-kawan) sentiasa mencari basikal.

25. Berjimat adalah penggunaan masa depan atau pelaburan dan membeli sesuatu yang murah.

Ayat ini sepatutnya ialah:

24a. Saya masih ingat dahulu, saya dan rakan-rakan sentiasa mencari basikal.

25a. Berjimat penting untuk masa depan dan boleh dicapai jika kita membeli barang yang murah harganya.

Antara lain, tujuan kajian beliau adalah untuk meninjau pencapaian penggunaan tatabahasa pelajar dalam hasil karangan mereka. Berdasarkan kelemahan tatabahsa yang ditemuinya, beliau mencadangkan agar kemahiran menulis diajar dengan lebih berkesan dari segi tatabahasa dan semantik.

Yahya Sidek (1998), pula mengkaji tahap penguasaan ayat majmuk campuran di kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan. Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan kepanjangan dan kompleksiti ayat majmuk campuran berdasarkan *panjang Unit-T*, dan *nisbah Klausa unit-T.* Kajian ini juga mengkaji pola-pola ayat majmuk campuran dalam karangan pelajar Tingkatan Empat berdasarkan penanda kata hubung koordinat (*dan, serta* dan sebagainya) dan subordinat (*yang, bahawa, untuk* dan sebagainya). Hasil kajian menunjukkan bahawa ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran paling banyak digunakan, iaitu masing-masing 241 ayat atau 28.7%. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa daripada 241 ayat majmuk campuran yang digunakan oleh pelajar dalam karangan mereka, 51 ayat (21.12%) tidak gramatis. Jenis kesalahan ayat majmuk yang paling ketara ialah kesalahan kata tugas dan sebagainya, iaitu 18 kesalahan (35.3%). Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa purata kepanjangan ayat yang digunakan oleh pelajar ialah 20 perkataan bagi satu ayat.

Mohd Yunus Kasman (2000), mengkaji 99 karangan pelajar Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan Sg. Besar, Selangor. Tujuan kajiannya adalah untuk mengkaji jenis-jenis kesalahan morfologi, sintaksis dan ejaan yang dilakukan oleh pelajar semasa mengarang. Kajian ini juga turut mengkaji perbezaan jumlah kesalahan yang dilakukan oleh pelajar Melayu (PM) dan bukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melayu (PBM). Keputusan kajiannya menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelajar melakukan sebanyak 5.06% kesalahan morfologi, ejaan dan sintaksis dalam karangan yang panjangnya 180 patah kata. Keputusan kedua pula menunjukkan bahawa PBM melakukan lebih banyak kesalahan, iaitu 7.78% (574 ayat) kesalahan berbanding dengan PM, iaitu hanya 3.15% (329 ayat). Selain itu, kajian ini juga mendapati PBM melakukan lebih banyak kesalahan sintaksis berbanding dengan PM, iaitu 5.12% berbanding dengan 0.75% (22 ayat) sahaja.

Ismail Abdul Rajab (1990), pula mengkaji jenis-jenis kesalahan yang terdapat di dalam akhbar dan majalah. Sampel kajian ini ialah media massa, iaitu 2 akhbar utama negara (Berita Harian dan Utusan Malaysia) dan majalah (Dewan Masyarakat, Mastika, dan URTV) yang diterbitkan dalam tempoh 2 tahun (Januari 1985–Disember 1996). Jumlah petikan yang dikaji ialah sebanyak 768 buah. Setiap petikan panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan. Antara kesalahan utama yang diperoleh dalam petikan yang dikaji.ialah kesalahan ayat, iaitu mewakili 44% daripada keseluruhan kesalahan.

Raminah Hj. Sabran (1983), dalam kajiannya cuba mengkaji tentang kesalahan nahu yang dilakukan oleh penutur jati penuntut maktab perguruan. Antara tujuan kajiannya ialah:

1. Melihat jenis kesilapan nahu yang dilakukan oleh guru pelatih penutur jati.
2. Melihat perbezaan jumlah dan jenis kesalahan nahu yang dilakukan oleh guru pelatih yang bersekolah aliran Melayu dan Inggeris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Melihat perbezaan jumlah dan jenis kesalahan yang dilakukan oleh guru pelatih yang mempunyai kelulusan yang berlainan, iaitu yang lulus Bahasa Melayu peringkat SPM, STP, MCE, dan HSC.

Karangan yang dianalisis ialah 300 buah karangan yang ditulis oleh pelajar dalam masa yang berlainan. Panjang karangan dalam yang dikajinya ialah lebih kurang 250 patah perkataan dan tajuknya pula berkaitan dengan tugas guru di sekolah dan dalam masyarakat. Dapatan kajian ini ialah:

1. 80% daripada jumlah kesilapan yang dilakukan oleh contohan adalah dalam aspek penggunaan perkataan, pembentukan rangkai kata dan struktur ayat,
2. Guru pelatih aliran Melayu melakukan lebih banyak kesilapan daripada aliran Inggeris, dan
3. Guru pelatih berkelulusan SPM melakukan lebih banyak kesilapan berbanding dengan yang berkelulusan STP.

N. Gevaratnam (1991), pula menganalisis kesalahan nahu bahasa Melayu yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Tingkatan 4 di dua buah sekolah, iaitu sekolah kategori bandar dan luar bandar. Bidang kajiannya ialah kesalahan sintaksis, morfologi dan ejaan. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa kesalahan ayat yang paling tinggi kekerapannya ialah kesalahan ayat terlalu panjang, iaitu 279 kesalahan atau 27.9%. Kajian ini juga mendapati, daripada 2047 kesalahan sintaksis, 852 kesalahan (41.6%) dilakukan oleh pelajar Cina, 777 kesalahan (pelajar India) dan hanya 418 kesalahan sahaja dilakukan oleh pelajar Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berhubung hubungan kesalahan bahasa dengan faktor kaum, Narayanan (1993: 457) mengkaji kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dalam karangan bahasa Melayu. Sampel kajian beliau ialah 20 orang pelajar sekolah luar bandar dan 20 orang pelajar sekolah bandar. Hasil kajiannya ialah pelajar-pelajar ini menghadapi kesukaran untuk membina ayat-ayat yang gramatis. Beliau juga mendapati bahawa ayat-ayat yang dibina oleh pelajar-pelajar itu banyak dikuasai oleh pengaruh bahasa ibunda (bahawa Tamil) dan bahasa Melayu kolokial.

2.4 Kajian Tentang Hubungan Penguasaan Bahasa dengan Pelbagai Faktor

Banyak kajian yang dilakukan oleh pengkaji bahasa menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan bahasa dengan pemboleh ubah ubah seperti jantina, kaum, pencapaian akademik, lokasi dialek dan sebagainya.

I. Faktor Jantina

Pengiran Mahmud Pengiran Damit (1992), mengkaji perbezaan tahap penguasaan bahasa di kalangan 200 pelajar Melayu lelaki dan pelajar perempuan di dua buah daerah di Negara Brunei Darussalam. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih banyak melakukan kesalahan berbanding dengan pelajar perempuan.

Dapatan kajian ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Kamarudin Husin (1986: 17) yang mendapati guru pelatih lelaki keturunan Cina dan India lebih banyak melakuklan kesalahan tatabahasa berbanding dengan guru pelatih perempuan. Di samping itu, dapatan-dapatan kajian di atas bertepatan dengan dapatan yang diperoleh oleh Arpan Shahbudin Latip (1998). Dalam kajiannya, beliau juga mendapati bahawa pelajar lelaki lebih banyak melakukan kesalahan bahasa berbanding dengan pelajar perempuan. Kesimpulannya, perbezaan jantina mempunyai hubungan yang signifikan dengan kadar kesalahan bahasa di kalangan pelajar.

II. Faktor Lokasi

Mohd. Daud Yusof (1990), meninjau sejauh mana penguasaan bahasa baku di kalangan pelajar Tingkatan 2 berbeza berdasarkan faktor lokasi (bandar dan luar bandar). Alat kajian beliau ialah soal-selidik bahasa. Hasil kajiannya menunjukan bahawa faktor lokasi memang mempunyai pengaruh dalam menentukan tahap penguasaan bahasa Melayu baku.

III. Faktor Kognitif

Mohd. Daud Yusof (1990), dalam kajiannya mendapati faktor kognitif tidak memainkan peranan dalam mempengaruhi kedudukan tingkat penguasaan bahasa Melayu baku. Kesimpulannya, jelaslah bahawa lokasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan penguasaan bahasa di kalangan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

IV. Faktor Pencapaian Akademik

Terdapat kajian memperlihatkan bahawa perbezaan pencapaian akademik di kalangan pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan penguasaan bahasa. Leornard (1963), mendapati bahawa kesalahan bahasa berkurangan apabila gred akademik pelajar meningkat. Kajian ini selaras dengan kajian Kamarudin Husin (1986), Mohd Daud Taha (1992) dan Raminah Hj. Sabran (1983). Raminah Hj. Sabran (1983), dalam kajiannya terhadap guru pelatih Melayu mendapati, kumpulan guru pelatih berkelulusan SPM lebih banyak melakukan kesalahan bahasa berbanding dengan kumpulan Sijil Tinggi Persekolahan (STP). Keadaan ini selaras dengan kajian Kamarudin Husin (1986) yang mendapati guru pelatih India yang berkelulusan SPM/MCE melakukan lebih banyak kesalahan bahasa berbanding dengan guru pelatih yang berkelulusan STP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun demikian, kajian Mohamed Nawawi Mohamed Rahace (1994) dan Mohd Daud Yusof (1990), menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian akademik dengan kekerapan kesalahan bahasa. Jelas di sini bahawa pencapaian yang baik dapat mengurangkan kekerapan kesalahan bahasa di kalangan pelajar.

V. Faktor Kaum

Kajian-kajian Gevaratnam (1991), Mohd Yunus Kasman (2000) dan Khatijah Abdul Hamid (1984), mendapati terdapat perhubungan yang signifikan antara kekerapan kesalahan bahasa dengan faktor kaum. Gevaratnam (1991) dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajiannya terhadap kesalahan nahu bahasa Melayu di kalangan pelajar Tingkatan 4 mendapati pelajar Cina dan India melakukan lebih kerap kesalahan bahasa berbanding dengan pelajar Melayu. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa pelajar Cina dan India melakukan 852 dan 777 kesalahan sintaksis berbanding dengan 418 kesalahan sahaja bagi pelajar Melayu.

Mohd Yunus Kasman (2000), dalam kajiannya terhadap 99 orang pelajar Tingkatan 3 di sebuah sekolah di Sungai Besar juga mendapati bahawa pelajar bukan Melayu lebih banyak melakukan kesalahan sintaksis (5.12%) berbanding dengan pelajar Melayu (0.75% sahaja). Malah, menurut Khatijah Abdul hamid (1984) lagi, pelajar Melayu lebih berupaya menggunakan ayat yang panjang-panjang berbanding dengan pelajar bukan Melayu. Kesimpulannya, kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji bahasa menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu dalam konteks penguasaan bahasa, khususnya penguasaan sintaksis.

VI. Faktor Sosioekonomi

Juriah Long (1977: 226), mengkaji masalah pelajar Melayu dalam peperiksaan Bahasa Melayu peringkat MCE. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa pelajar yang datang dari keluarga yang mempunyai SES tinggi mendapat markah Bahasa Melayu yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar SES rendah.

Asiah Abu Samah (1977: 97), dalam kajiannya juga mendapati terdapat hubungan atau pertalian yang signifikan antara perstasi pelajar dalam Bahasa Melayu dengan status sosio-ekonomi. Dapatan kajian Juriah Long dan Asiah Abu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Samah disokong oleh kajian-kajian Kadir Amin (1981), Mohd. Daud Yusof (1990), Mohd Daud Taha (1992) dan Pengiran Mahmud Pengiran Damit (1992) yang menunjukkan bahawa pelajar yang datang dari status SES yang tinggi mendapat pencapaian yang lebih baik berbanding dengan pelajar status SES rendah.

Selain itu, kajian Fatanah Mohamed (1997) yang dilakukan bagi melihat hubungan antara pencapaian akademik dengan faktor personaliti dan persekitaran keluarga pelajar mendapati status SES mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa pelajar yang datang dari status SES tinggi mempunyai pencapaian yang lebih baik berbanding dengan pelajar yang datang dari SES rendah.

Berdasarkan dapatan–dapatan kajian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa status SES mempunyai hubungan yang signifikan dengan penguasaan bahasa di kalangan pelajar.

VII. Faktor Dialek dan Bahasa Ibunda

Hubungan antara faktor dialek dan kekerapan kesalahan bahasa dikaji oleh ramai pengkaji. Mohd. Daud Yusof (1990), antara lain mengkaji faktor berlakunya kesalahan bahasa di kalangan pelajar. Dalam kajiannya, beliau mendapati bahawa antara faktor kesalahan bahasa di kalangan pelajar ialah pengaruh bahasa dialek khususnya dialek Kelantan dan Terengganu. Menurutnya lagi, pengaruh bahasa guru juga mempengaruhi tahap penguasaan bahasa pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ajit Che Kob dan Farid M. Onn (1979: 69), dalam kajian mereka terhadap pelajar Melayu Kelantan dan Terengganu pula mendapati 68.48% murid-murid mengaku gangguan dialek mengganggu proses pembelajaran Bahasa Malaysia Standard mereka. Keadaan ini dipersetujui oleh 50% guru-guru Bahasa Malaysia mereka.

Pendapat ini turut disokong oleh Koh Boh Boon (1981: 14). Beliau menyatakan bahawa seseorang pelajar Melayu (yang menjadikan bahasa Melayu standard sebagai B2) memperoleh penguasaan bahasa ibundanya sebelum dia masuk ke sekolah rendah. Keadaan yang dinamakan 'konsep belakangan' ini bermaksud

> "*...terdapat unsur-unsur linguistik tertentu di kalangan pelajar B2 yang didasarkan kepada B1. Unsur ini akan muncul dari semasa ke semasa apabila pelajar menggunakan B2, sama ada dalam peertuturan atau penulisan.*"
>
> (Koh Boh Boon, 1981: 14)

Lado (1961: 2), Odlin (1989: 27) dan Ellis (1994: 711), menjelaskan konsep di atas sebagai '*language transfer*' atau 'pemindahan bahasa' ketika berlakunya B2. Dalam konteks pembelajaran bahasa Melayu standard, pelajar memindahkan pengetahuan bahasa asal mereka ke dalam B2. Gevaratnam (1991:13), dalam kajiannya terhadap pelajar India menemui kesalahan bahasa yang disebabkan oleh proses pemindahan bahasa ini. Contohnya ialah:

26. Saya nasi makan.

27. Saya susu minum.

Ayat sepatutnya ialah:

26a. Saya makan nasi.

27a. Saya minum susu.

Kesimpulannya, proses pemindahan bahasa atau *'language transfer'* bahasa ibunda menjadi penyebab atau faktor utama berlakunya kesalahan bahasa di kalangan pelajar.

2.5 Kesimpulan

Berdasarkan beberapa kajian yang dibuat oleh para pengkaji terdahulu tentang penggunaan ayat majmuk dalam hasil penulisan menunjukkan bahawa ayat majmuk digunakan dengan kerap dan mendominasi sesuatu hasil penulisan. Ayat majmuk kerap digunakan, sama ada dalam karangan pelajar, prosa moden dan klasik, teks ucapan mahupun majalah atau surat khabar. Pendek kata, segala bentuk penulisan banyak menggunakan ayat majmuk sebagai satu cara penglahiran idea. Daripada kajian-kajian ini juga, pengkaji melihat bahawa semakin tinggi tahap pendidikan seseorang itu, semakin kerap ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran digunakan. Oleh itu, berdasarkan dapatan-dapatan kajian terdahulu, pengkaji berpendapat bahawa satu kajian terhadap penggunaan penulisan karangan pelajar Tingkatan Enam Rendah perlu dilakukan bagi melihat sejauh mana pelajar tersebut dapat menggunakan ayat majmuk dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Kajian-kajian tentang kesalahan ayat majmuk juga menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang datang dari pelbagai aliran, tingkatan, kaum, jantina dan pencapaian akademik melakukan tahap kesalahan bahasa yang berbeza. Antara jenis kesalahan yang sering dilakukan ialah kesalahan ayat majmuk, khususnya ayat majmuk campuran. Kajian-kajian yang dijalankan itu juga menunjukkan bahawa kekerapan kesalahan ayat majmuk yang dilakukan oleh pelajar berbeza mengikut faktor atau pemboleh ubah yang berbeza.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB III

AYAT MAJMUK

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan menjelaskan huraian ayat-ayat majmuk dalam bahasa Melayu yang telah dilakukan pengkaji-pengkaji bahasa bagi mendapat kesimpulan yang jitu tentang ayat majmuk. Bab ini diakhiri dengan membicarakan konsep analisis kesilapan dan kesalahan bahasa yang dikemukakan oleh ahli bahasa.

3.2 Huraian Ayat Majmuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Za'ba (1953: 227), menghuraikan ayat kepada 4 jenis, iaitu ayat selapis, berlapis, ayat berkait, dan ayat bercampur. Menurut Za'ba, ayat yang ikatannya lebih daripada satu ayat selapis, disebut ayat berlapis. Contohnya ialah:

1. Tangan-nya patah sa-belah *dan* kaki-nya luka-luka.

Sementara itu, Za'ba (1953: 279) mendefinisikan ayat yang mempunyai satu atau lebih ayat kecil dan bersatu dengan satu ayat besar, sama ada disambungkan oleh penambat atau ayat itu termasuk menjadi anggota betul dalam tubuh ayat besar sebagai ayat berkait. Contohnya:

2. [Sa-telah sudah saya mandi-manda di-kolam itu] [saya pun naik -
Ayat Kecil
. Ka-rumah bersalin pakaian.]
Ayat Besar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Za'ba menegaskan bahawa *ayat bercampur* sebagai

> *"...persatuan yang mengandongi di-dalamnya ayat selapis dengan ayat berkait, atau ayat berlapis dengan ayat berkait, atau ayat berkait dengan ayat berkait – ia-itu berangkai-rangkai atu bermasok-masokan antara-nya*
>
> (1953: 283).

Contohnya ialah:

3. [Orang China sangat kuat bekerja] , *dan* [kita hanya akan
Ayat Selapis

dapat lawan mereka jika kita kuat bekerja seperti mereka itu pula.]
Ayat Berkait

Kesimpulannya, Za'ba telah membahagikan binaan ayat majmuk kepada 3 jenis, iaitu ayat berlapis (ayat majmuk gabungan), ayat berkait (ayat majmuk pancangan) dan ayat bercampur (ayat majmuk campuran).

Asmah Hj. Omar (1973: 58), mencerakinkan ayat kompleks kepada dua, iaitu ayat berlapis dan ayat majmuk. Menurutnya, ayat berlapis ialah '*gabungan ayat bebas*' dengan '*ayat tak-bebas*'. Ayat bebas ialah ayat yang boleh berdiri sendiri, iaitu ayat selapis. Selain itu ayat tak-bebas pula ialah ayat yang didahului oleh salah satu kata penghubung tertentu, Dalam hal ini, walaupun Asmah telah menggunakan istilah 'ayat berlapis' yang juga digunakan oleh Za'ba, tetapi pengertiannya berbeza, iaitu menyamai 'ayat berkait' dalam peristilahan Za`ba. Di samping itu, Menurut Asmah Hj. Omar (1973: 58), ayat majmuk pula diertikan sebagai

> *'ayat luas yang terdiri dari ayat-ayat kecil yang dihubungkan dengan kata penghubung dan, atau dan tetapi.'*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap ayat kecil dalam ayat majmuk itu dikatakan boleh berdiri sendiri dan atas hakikat ini, ayat majmuk dibezakan daripada ayat berlapis. Contoh yang diberikan oleh Asmah ialah:

4. Dia tidak datang, kalau dia sakit (ayat berlapis).

5. Saya pergi dan emak pergi (ayat majmuk).

Lufti Abas, dalam buku *Bahasa Malaysia Baru* (1977: 121), mendefinisikan *ayat majmuk* sebagai

> "... dua ayat atau lebih yang dijadikan satu dengan atau tanpa perkataan dan, *atau*, *tetapi* atau lain-lain di antaranya".

Definisi beliau hampir menyamai definisi ayat majmuk yang dijelaskan oleh Asmah, tetapi berbeza sedikit, iaitu "... boleh dijadikan satu dengan atau tanpa perkataan ... atau dengan lain-lain di antaranya." Contoh yang diberikan oleh Lufti ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Contoh ayat majmuk yang menggunakan perkataan *dan;*

6. Mereka membantah pembesar mereka *dan* pemimpin itu tidak mempunyai kuasa.

b. Contoh ayat majmuk yang disatukan tanpa perkataan dan atau yang lain;

7. Umat Arab dalam keadaan huru-hara, pertelingkahan tidak berhenti-henti.

Beliau juga membicarakan jenis ayat yang dikenali sebagai *pencukup* dan *kalimat*. Pencukup ialah ayat-ayat yang boleh menggantikan subjek, penyambut, rangkaikata nama sesudah *adalah* dan penerang. Lufti juga mengkelaskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pencukup kepada 4 jenis, iaitu pencukup subjek, pencukup penyambut, pencukup adalah dan pencukup penerang. Contoh-contoh ayat tersebut ialah:

8. Muzium kawasan itu didirikan [[untuk menarik pelancong.]] *Ayat Pencukup Subjek*

9. Jurucakap memberitahu bahawa [[pihaknya akan melaksanakan satu rancangan .]]
Ayat Pencukup penyambut

10. Ini adalah [[menuju ke arah ...]]
Ayat Pencukup Adalah

11. Dia menerangkan matlamatnya [[untuk menyebarkan pengetahuan.] *Ayat Pencukup Penerang*

Keempat-empat jenis pencukup ini boleh mempunyai subjek dan boleh tanpa subjek. Selain itu, kalimat pula ialah ayat yang menjadi Penerang untuk nama (hlm. 91). Kalimat boleh didahului oleh perkataan *yang* dan boleh menggantikan salah satu Nama dalam ayat penyata. Misalnya;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

12. Dia sedang menghadapi [suatu masalah] [yang rumit.]
Ayat Pencukup kalimat

Berdasarkan cerakinan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa yang Pencukup (kecuali Pencukup Adalah) dan Kalimat itu merupakan ayat majmuk yang kini dikenali sebagai *ayat relatif* dan *ayat komplemen*.

Asraf Abdul Wahab (1978: 766), membahagikan ayat-ayat dalam bahasa Melayu terbahagi kepada dua, iaitu golongan *ayat inti* dan ayat *tranformasi*. Ayat tranformasi dibahagikan kepada *ayat tranformasi satu dasar, ayat tranformasi dua dasar* dan *ayat tranformasi banyak dasar.* Asraf merujuk ayat tranformasi dua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dasar sebagai "*...ayat majmuk atau ayat gabungan dan ayat sambung yang terbit daripada dua ayat.*" (hlm. 766).

Ayat seperti ini, menurutnya boleh digabungkan dengan kata penghubung seperti *atau, dan, dengan, serta* dan *tetapi.* Contohnya:

13. Orang itu kaya *tetapi* hidupnya sederhana sekali. (ayat digabungkan dengan ayat).
14. Ayah *dan* ibu tiada di rumah. (Subjek digabungkan dengan subjek).
15. Peladang itu bertanam jagung *serta* berternak ayam. (Predikat digabungkan dengan predikat).
16. Saya hendak menemuinya besok *atau* lusa. (Keterangan digabungkan dengan keterangan).
17. Saya hendak membeli daging *atau* ikan di pasar. (Objek digabungkan dengan objek).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, beliau menjelaskan bahawa terdapat juga ayat yang digabungkan dengan kata penghubung yang berpasangan. Misalnya:

18. *Bukan saja* cincin *bahkan juga* kalung akan kubeli untuk pacarku.
19. Berita itu *entah* benar *entah* bohong.

Di samping itu, Asraf (1978: 767), mendefinisikan ayat majmuk pancangan sebagai ayat tranformasi dua dasar. Beliau menjelaskan ayat ini sebagai bentuk yang terdiri daripada beberapa ayat yang dipancangkan pada ayat utamanya sehingga terbentuklah satu ayat paduan yang berlapis. Contoh ayat ini ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

20. Cincin *yang baru saya beli* itu hilang .

21. Keterangan *bahawa dia memihak kepada musuh* tidak benar.

Jika diteliti ayat 20 dan 21, dapatlah disimpulkan bahawa ayat-ayat tersebut mempunyai struktur ayat relatif dan komplemen. Seterusnya ayat tranformasi banyak dasar yang dihuraikan oleh Asraf menyamai ayat bercampur yang didefinisi oleh Za'ba.

Nik Safiah Karim (1979: 13), pula mendefinisikan ayat majmuk sebagai ayat yang terdiri daripada dua atau lebih daripada dua ayat tunggal, sama ada disambung secara terus-menerus dengan menggunakan kata sambung seperti *dan, atau, tetapi* atau dengan sistem hubungan yang lebih rumit, yang memerlukan proses-proses yang memasukkan atau menggugurkan struktur-struktur tertentu, misalnya memasukkan perkataan *yang, bahawa* dan sebagainya.

Beliau mengkelaskan ayat majmuk dalam bahasa Melayu kepada 3 jenis iaitu ayat gabungan, ayat pancangan, dan majmuk berketerangan. Beliau mendefinisikan ayat gabungan sebagai ayat yang terdiri daripada dua ayat yang disambungkan dengan atau tanpa kata sambung seperti *dan, atau, seperti* dan sebagainya. Definisi beliau ini menyamai definisi Lufti Abas (1977) bagi ayat majmuk; juga agak hampir dengan definisi Asraf (1978) bagi jenis ayat majmuk gabungan. Menurut Nik Safiah Karim lagi, ayat-ayat dalam bahasa Melayu boleh disambung secara berikut, iaitu:

1. Tanpa penyingkiran mana-mana bahagian, misalnya:

    22. Pemain itu menendang bola dan penonton bersorak dengan gembira.

2. Dengan menyingkirkan predikat yang sama, misalnya:

    23. Ahmad pergi dan Ali pergi.

    24. Ahmad dan Ali pergi.

3. Dengan menyingkirkan subjek yang sama, misalnya:

    25. Ahmad bertempik dan Ahmad bersorak.

    26. Ahmad bertempik dan bersorak.

4. Dengan menyingkirkan mana-mana bahagian yang sama, misalnya:

    27. Ali belajar pada waktu malam.

    28. Aminah membaca suratkhabar pada waktu malam.

    29. Ali belajar dan Aminah membaca suratkhabar pada waktu malam.

Selain itu, Nik Safiah Karim (1979: 15), telah membahagikan ayat pancangan kepada dua (2) bahagian atau jenis yang utama, iaitu *ayat relatif* dan *ayat komplemen* (hlm. 15). Contoh ayat relatif ialah:

30. Budak *yang gemuk* itu berlari.

31. Saya membeli buku *yang ditulis olehnya.*

Dalam ayat 30 dan 31, *yang gemuk* dan *yang ditulis olehnya* ialah ayat relatif. Selain itu, contoh ayat komplemen ialah:

32. Dia mengetahui *bahawa Ahmad telah pergi.*
33. Mereka datang *untuk membuka perniagaan.*

Frasa-frasa *bahawa Ahmad telah pergi* dan *untuk membuka perniagaan* merupakan ayat komplemen. Selanjutnya, dalam buku Bahasa Malaysia Syntax (1978:131), Nik Safiah Karim menjelaskan perbezaan proses tranformasi *ayat relatif* dengan *yang* sebagai kata nama. Misalnya, ayat a sebagai proses tranformasi ayat relatif dan ayat b sebagai proses yang kata nama.

a. Mereka membeli [rumah [rumah cantik] itu]
A2 *FN*

T Rel Mereka membeli rumah *yang cantik* itu.
A Rel

(KN rumah yang kedua digantikan dengan *yang)*

b. Orang yang pergi itu adik saya.
Tp
KN *orang*
Yang pergi itu adik saya.

Selain itu, Nik Safiah Karim (1979: 17), mendefinisikan ayat majmuk keterangan sebagai ayat-ayat yang pada struktur dasarnya tidak jauh berbeda daripada jenis ayat gabungan, tetapi dari segi perbezaan fungsi di antara ayat utama (ayat besar) dengan ayat-ayat lain (ayat-ayat kecil), ayat-ayat ini harus dipisahkan daripada ayat-ayat biasa. Contoh yang diberikan oleh beliau ialah:

34. Anak itu menangis kerana ia lapar.
35. Ia datang ketika pergaduhan sudah selesai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hashim Musa (1984: 5), menganggap ayat majmuk sebagai satu bentuk ujaran yang mengandungi lebih daripada satu klausa yang digandingkan melalui penggunaan unsur-unsur penyambung tertentu. Beliau membahagikan ayat majmuk dalam bahasa Melayu kepada tiga jenis, iaitu:

a. Ayat majmuk gabungan
b. Ayat majmuk pancangan
c. Ayat majmuk campuran

Terdapat perbezaan antara ayat majmuk huraian Hashim Musa dengan ayat majmuk Nik Safiah Karim. Hashim Musa memasukkan ayat majmuk campuran dalam kajiannya, sedangkan Nik safiah Karim tidak. Hashim Musa membahagikan ayat majmuk pancangan kepada tiga jenis, manakala Nik Safiah Karim hanya dua jenis sahaja, iaitu ayat relatif dan ayat komplemen sahaja.

PustakaTBainun ptbupsi Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Seterusnya, Hashim Musa (1984: 99-100), membahagikan ayat komplemen kepada lima jenis, iaitu:

a. Ayat Komplemen FN Objek
b. Ayat Komplemen FN Subjek
c. Ayat Komplemen KK Tak Transitif
d. Ayat Komplemen Adj
e. Ayat Komplemen FN Predikat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, definisi ayat majmuk campuran yang diberikan oleh beliau sama dengan huraian yang diberikan oleh Za`ba dan Asraf.

Abdullah Hassan (1993: 201), membahagikan ayat majmuk kepada dua bahagian, iaitu ayat majmuk setara dan ayat majmuk berlapis. Ayat majmuk setara ialah ayat itu terbentuk dari dua klausa atau lebih. Setiap klausa itu setara dengan yang lain dan dihubungkan dengan kata hubung setara seperti *dan, tetapi, atau* dan lain-lain lagi. Setiap klausa itu bebas dan boleh berdiri sendiri. Contohnya:

36. Dia pergi dan saya juga pergi.

37. Dia suka berjoli atau dia suka berjudi?

Namun demikian, menurutnya lagi, dalam perbualan seharian ayat 36 dan 37 orang digunakan kerana proses pengguguran subjek akan berlaku. Oleh itu, ayat ini dinamakan *ayat majmuk setara rapatan.* Hasilnya ialah:

36a.. Saya dan dia pergi.

37a. Dia suka berjoli atau berjudi

Selain itu, ayat majmuk berlapis pula terdiri daripada dua atau lebih klausa tidak setara. Sekurang-kurangnya satu daripadanya mesti bebas dan yang lain bergantung kepadanya. Itulah yang menyebabkan ayat ini berlapis atau bertingkat, yakni ada tingkat bebas dan ada tingkat tidak bebas. Contohnya ialah:

38. Dia sampai waktu orang berbuka puasa.

Dia sampai merupakan klausa bebas, *manakala waktu orang berbuka puasa* merupakan klausa tak bebas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Arbak Othman (1989: 172), menjelaskan bahawa ayat majmuk terbahagi kepada dua, iaitu *ayat berlapis* dan *ayat berkait*. Ayat berlapis ialah ayat gabungan dua atau lebih ayat selapis dengan cara menggunakan kata sendi. Kata sendi yang digunakan itu adalah kata sendi penambah seperti *dan, atau, serta, lalu, sama ada, atau* dan *tetapi.* Contohnya ialah:

1. Pola subjeknya sama tetapi predikatnya berlainan.
   39. Dialah mengajar dan melatih saya .
   40. Sama ada datuk penghulu sampai atau tidak, anak teruna dan dara ini mesti dinikahkan.

2. Pola predikatnya sama tetapi subjeknya berlainan
   41. Membaca dan menulis adalah pekerjaan seorang penulis.
   42. Sama ada menyanyi mahupun menari, boleh belaka menghayalkan seseorang

Menurut Arbak Othman (1989: 73) lagi, ayat berkait ialah ayat yang subjek dan predikatnya mengandungi ayat kecil. Ayat ini menerangkan perkataan yang ditegaskan yang menjadi subjek atau predikat. (hlm. 173). Contohnya ialah:

1. Ayat berkait dengan ayat kecil keterangan subjek
   41. Buah betik yang kita petik semalam telah dicuri orang.
   42. Ayat berkait dengan ayat kecil dengan keterangan predikat
   43. Kita hanya boleh memenangi peperangan jika kita melawan musuh dengan hati yang cekal.

2. Ayat berkait dengan ayat kecilnya menjadi unsur penambah ayat selapis

44. Mereka yang menyamar sudah diketahui polis.

Anton M. Moeliono (1988: 32), mendefinisikan ayat majmuk sebagai kalimat yang mempunyai dua atau lebih predikat. Menurutnya lagi, ayat majmuk selalunya wujud dalam binaan dua klausa atau lebih. Beliau membahagikan ayat majmuk kepada dua bahagian, iaitu ayat majmuk setara dan ayat majmuk bertingkat. Ayat majmuk setara ialah ayat majmuk yang setara tarafnya dan dihubungi oleh kata hubungi koordinat seperti *dan, tetapi, atau* dan sebagainya. Contoh ayat majmuk jenis ini ialah:

45. Dia pergi, dan isterinya mula menangis.

46. Saya bersedia, tetapi dia menolak membicarakannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, ayat majmuk bertingkat ialah ayat majmuk yang mengandungi klausa induk dan sekurany-kuranya satu klausa subordinat atau 'klausa tak bebas' yang berfungsi sebagai keterangan kepada klausa induk. Klausa-klausa dalam kalimat ini dihubungi oleh kata hubung subordinat seperti *sebelum, yang, dengan* dan sebagainya. Contohnya:

47. Dia pergi sebelum isterinya menangis.

48. Peserta yang nilainya rendah, harus diuji lagi.

Di samping itu, Anton M. Moeliono (1988: 308) membahagikan ayat majmuk bertingkat kepada dua bahagian, iaitu ayat majmuk yang bersifat melengkapi (komplementatif) dan yang bersifat mewatasi atau menerangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Robert (1996: 195), membahagikan ayat majmuk kepada 3 bahagian, iaitu ayat majmuk gabungan, ayat majmuk kompleks dan ayat majmuk campuran. Donald menjelaskan bahawa ayat majmuk gabungan terdiri daripada rentetan dua klausa bebas atau lebih dan setiap klausa-klausanya dihubungi oleh kata hubung koordinat seperti *dan,tetapi, atau* dan sebagainya. Contohnya:

49. Saya memanggil anjing saya, dan anjing saya itu berlari ke arah saya.

Sementara itu, Robert (1996: 196), menjelaskan bahawa ayat majmuk kompleks ialah ayat majmuk yang terdiri daripada satu kluasa bebas dan lebih daripada satu 'klausa tak bebas' dan dihubungi oleh kata hubung subordinat. Menurutnya lagi, 'klausa tak bebas' merupakan ayat yang tidak lengkap. Contoh ayat ini ialah:

50. Apabila saya memanggil anjing saya, anjing saya itu datang kepada saya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, Robert (1996: 197) menjelaskan bahawa ayat majmuk campuran ialah ayat majmuk yang terdiri daripada gabungan ayat majmuk gabungan dengan ayat majmuk kompleks. Contohnya ialah:

51. Apabila saya memanggil anjing saya, anjing saya itu berlari ke arah saya, dan ia terus mengikuti saya.

Fowler (1980: 528), membahagikan ayat majmuk kepada 3 bahagian, iaitu ayat majmuk gabungan, ayat majmuk kompleks dan ayat majmuk campuran. Beliau menjelaskan bahawa ayat majmuk gabungan terdiri daripada sekurang-kurangnya dua klausa bebas. Contohnya:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

52. Saya suka tinggal di sini, tetapi saya terpaksa pergi.

Fowler juga menyatakan bahawa ayat majmuk kompleks terdiri daripada sekurang-kurangnya satu klausa bebas dan satu 'klausa tak bebas'. Contohnya ialah:

53. Jika kamu membiarkan saya pergi sekarang, kamu akan menyesal.

Di samping itu, Fowler menjelaskan bahawa ayat majmuk campuran terdiri daripada sekurang-kurang 2 klausa bebas dan satu 'klausa tak bebas'. Contohnya:

54. Saya ingin tinggal di sini kerana kamu mahu begitu, tetapi saya terpaksa pergi.

Kesimpulannya, walaupun terdapat perbezaan di kalangan ahli-ahli bahasa tentang ayat-ayat majmuk, namun dapatlah disimpulkan bahawa, secara umumnya bahawa ayat majmuk bahagikan kepada 3 bahagian, iaitu ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan atau kompleks dan ayat majmuk campuran. Ayat majmuk gabungan terbina hasil daripada gabungan sekurang-kurangnya dua klausa bebas, manakala ayat majmuk pancangan atau kompleks pula terdiri daripada sekurang-kurangnya satu klausa bebas dan satu 'klausa tak bebas' yang dihubungi oleh kata hubung subordinat. Sementara itu, ayat majmuk campuran pula ialah terbina hasil gabungan ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk pancangan. Proses gabungan dan pancangan ini melahirkan ayat majmuk gabungan dan campuran, manakala melalui proses pancangan, lahirlah ayat relatif, ayat komplemen dan ayat keterangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Cerakinan Ayat Majmuk

Bahagian ini akan menghuraikan cerakinan ayat majmuk yang terdapat dalam bahasa Melayu. Cerakinan ini dibuat berdasarkan cerakinan ayat majmuk *Tatabahasa Dewan* (Edisi Baharu, 1993), *Nahu* Melayu Mutakhir (Asmah Hj. Omar, 1993) dan para sarjana yang lain.

3.3.1 Ayat Majmuk Gabungan

a. Tatabahasa Dewan (Edisi Baharu, 1993)

Tatabahasa Dewan (Edisi Baharu, 1993: 478) menghuraikan ayat majmuk gabungan sebagai:

> *"...ayat majmuk gabungan ialah yang terdiri daripada dua atau lebih yang dijadikan satu dengan cara menggabungkan ayat-ayat tersebut dengan kata hubung seperti dan, atau, tetapi dan sebagainya".*

Tatabahasa Dewan (Edisi Baharu, 1993) menggolongkan ayat majmuk gabungan kepada dua jenis yang utama, iaitu:

1. Ayat-ayat yang digabungkan itu setara sifatnya dan susunan faktanya berurutan,
2. Ayat-ayat yang digabungkan itu mempunyai maksud yang bertentangan susunan faktanya.

AMG jenis 1 berpenanda *dan, lalu, lagi, serta, sambil, malahan, kemudian* dan *akhirnya.* Contoh ayat-ayatnya ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

55. Anjing itu menggigit kakinya, *lalu* lari.

56. Mula-mula saya disuruh duduk, *kemudian* diajak berbincang, *akhirnya* dibawa masuk bertemu dengan majikannya.

Manakala penanda bagi AMG jenis 2 pula ialah *tetapi, sebaliknya, melainkan* dan *padahal*. Contohnya ialah:

57. Ayahnya rajin bemiaga *tetapi* anaknya tidak berminat sama sekali.

58. Kain yang dibelinya terlalu mahal, *padahal* ada yang lebih murah.

Penggabungan ayat-ayat majmuk berpenanda di atas mestilah mematuhi syarat tertentu, iaitu tidak bertentangan makna dan fakta. Contoh ayat-ayat majmuk yang tidak gramatis tersebut ialah:

59. Ali bermain bola dan rumah terbakar. (bertentangan makna)

60. Ahmad rajin belajar dan selalu tidur. (bertentangan fakta)

Selain itu, *Tatabahasa Dewan* (Edisi Baharu, 1993), turut menjelaskan bahawa ayat majmuk gabungan jenis ketiga ialah ayat majmuk gabungan yang terhasil daripada cantuman kedua-dua jenis di atas. Contohnya ialah:

61. Bersenam *dan* berenang baik untuk kesihatan *tetapi* tidak boleh dilakukan secara berlebihan.

b. Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia (1988)

Anton M. Moeliono, dalam buku *Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia* (TBBBI) (1988: 315), mendefinisikan ayat majmuk gabungan sebagai ayat majmuk setara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang klausa-klausanya dihubungi oleh kata hubung koordinat serta mempunyai hubungan semantis. Anton M. Moeliono (1988: 320) membahagikan ayat majmuk setara kepada 3 bentuk, iaitu berdasarkan hubungan klausa yang terdapat di dalam ayat, sama ada secara penjumlahan, berlawanan atau pemilihan.

1. Bentuk Hubungan Penjumlahan

TBBBI (1988: 320) menyatakan bahawa ayat majmuk gabungan jenis ini berfungsi menyatakan penjumlahan atau gabungan kegiatan. Contohnya:

62. Konflik memberikan tantangan baginya dan oleh kerana itu, dia tampak menghadapinya dengan penuh ghairah.

2.. Bentuk Hubungan Berlawanan

Ayat majmuk gabungan jenis ini terdiri daripada klausa yang dihubungkan oleh kata hubung yang berlawanan makna. Contohnya:

63. Adikku belum bersekolah, tetapi dia sudah bisa membaca surat khabar.

3. Bentuk Hubungan Pemilihan

Ayat majmuk jenis ini terdiri daripada klausa-klausa yang hubungannya menyatakan pilihan antara dua kemungkinan . Contohnya:

64. Dalam keadaan seperti itu, dia terpaksa membunuh musuh atau dibunuh musuh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (2000)

Za'ba (2000: 276), dalam *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III* (Edisi Baharu), menjelaskan bahawa ayat berlapis terdiri daripada penyatuan beberapa ayat selapis. Sendikata atau penambat yang digunakan bagi menghubungkan ayat ini ialah *dan, tetapi, atau, serta* dan sebagainya. Beliau juga membahagikan ayat berlapis kepada 2 bahagian, iaitu:

1. Bendanya berlainan ceritanya sama

Contoh ayatnya ialah:

65. Getah, bijih timah, dan kelapa kering banyak keluar dari Tanah Melayu.

2. Bendanya sama ceritanya lain-lain

Contoh ayatnya ialah:

66. Dialah mengajar dan melatih saya saya.

Kesimpulannya, daripada kedua-dua contoh yang diberikan oleh Za'ba, jelas kepada kita bahawa Za'ba membahagikan ayat majmuk gabungan kepada dua bahagian, iaitu ayat yang digabungkan pada subjek dan ayat yang digabungkan pada predikat atau frasa kerja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Leech. G. dan Svartvik. J. (1975)

Leech. G. dan Svartvik. J. (1975: 288) mengkelaskan ayat majmuk gabungan sebagai ayat kompleks yang klausa-klausanya dihubungkan oleh kata hubung koordinat. Contohnya:

67. Dia mendengar letupan lalu (dia) menelefon polis.

Kesimpulannya, ayat majmuk gabungan ialah ayat majmuk yang mengandungi klausa-klausa setara dan digabungkan dengan kata hubung koordinat . Gabungan ini pula boleh berlaku pada subjek, objek atau ayat.

3.3.2 Ayat Majmuk Pancangan

a. Tatabahasa Dewan (Edisi Baharu, 1993)

Tatabahasa Dewan (1993), menjelaskan bahawa ayat majmuk pancangan (AMP) terdiri daripada 3 jenis, iaitu berpandukan kepada cara pembentukannya dan jenis ayat yang dipancangkan atau. Jenis ayat pancangan ialah *ayat relatif (AMR), ayat komplemen (AMKomp)* dan *ayat keterangan (AMKet).*

1. Ayat Relatif

Ayat relatif berfungsi bagi memperluas frasa nama dan dikenal dengan penggunaan perkataan *yang* berdasarkan proses pembentukan berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Ayat Kecil dipancang kepada Subjek

Contoh ayatnya ialah:

68. Lembu *yang menanduk kereta saya* itu lari ke dalam semak.

69. Bas *yang dinaiki adik saya* itu bas ekspres.

ii. Ayat Kecil dipancang kepada objek

Contoh ayatnya ialah:

70. Mereka melihat lukisan *yang sungguh indah itu.*

71. Guru sukan memuji murid-murid *yang berjaya dalam pertandingan itu.*

iii. Ayat Kecil dipasifkan dan dipancang kepada Ayat Induk

Contoh ayat-ayatnya ialah:

72. Saya membeli baju *yang dilelong* di pasaraya tersebut.

73. Pemimpin *yang disegani rakyat* itu berhemah tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Ayat Komplemen

Ayat kompleman ditandai oleh kata komplemen *bahawa* dan *untuk* dan terbahagi kepada beberapa bahagian, iaitu:

i. Komplemen frasa Nama

1. Subjek

Contoh ayat-ayatnya ialah:

74. *Bahawa Bank Islam menjamin keadilan* memanglah jelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

75. Tentulah tidak wajar *untuk mereka mendirikan rumah di kawasan tanah haram.*

2. Objek tepat

Contoh ayat-ayatnya ialah:

76. Orang itu menafikan *bahawa barang-barangnya telah hilang.*

77. Polis melaporkan *bahawa jalan itu sudah boleh dilalui kenderaan berat.*

ii. Komplemen Frasa Kerja

Frasa kerja yang terdapat di dalam ayat ini terdiri daripada kata kerja tak transitif dan tidak tidak boleh dipasifkan. Contoh ayat-ayatnya ialah:

78. Pak Abu berpendirian *bahawa tanah itu tidak patut dijual.*

79. Orang itu berpendapat *bahawa anaknya juga patut dibenarkan melanjutkan pelajaran ke seberang laut.*

iii. Komplemen Frasa Adjektif

Ayat jenis ini amat terhad dalam bahasa Melayu. Contohnya ialah:

80. Saya sangat yakin *bahawa dia akan berjaya.*

81. Mereka sangat insaf *bahawa mereka itu daif.*

3. Ayat Majmuk Keterangan

Ayat majmuk keterangan berfungsi sebagai keterangan kepada predikat, khususnya kata kerja. Ayat majmuk jenis ini terbahagi kepada 9 jenis, iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Keterangan Musabab

Keterangan musabab ialah unsur yang menerangkan sebab berlakunya sesuatu kejadian atau perbuatan. Kata hubung keterangan musabab ialah *kerana, lantaran* dan *oleh sebab.* Contoh ayat-ayatnya ialah:

82. Saya tidak dapat hadir *kerana saya kurang sihat.*

83. *Oleh sebab mereka datang lambat* mereka tidak dibenarkan masuk ke dewan peperiksaan.

ii. Keterangan Akibat

Keterangan akibat ialah unsur yang menerangkan kesan atau hasil sesuatu perbuatan. Ayat ini ditandai oleh kata hubung seperti *sehingga* dan *hingga.* Contoh ayat-ayatnya ialah:

84. Ia bersorak terlalu kuat *hingga serak tekaknya.*

85. Pelajar itu belajar bersungguh –sungguh *sehingga berjaya.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Keterangan Syarat

Keterangan syarat ialah unsur yang menerangkan tuntutan yang mesti dipenuhi. Ayat ini ditandai oleh kata hubung *sekiranya, andai kata, jikalau, jika* dan *kalau.* Contoh ayat-ayatnya ialah:

86. *Sekiranya saya lulus peperiksaan ini* saya akan berpuasa sepuluh hari.

87. *Andai kata mereka menyerang* kita akan bertahan bersungguh-sungguh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Keterangan Waktu

Ayat keterangan waktu ialah ayat yang menerangkan masa sesuatu perbuatan. Kata-kata hubung yang sering digunakan dalam ayat ini ialah *sejak, semenjak, setelah, tatkala* dan sebagainya. Contohnya ialah:

88. Polis segera tiba *setelah mendapat maklumat tentang pergaduhan itu.*

v. Keterangan Pertentangan

Keterangan pertentangan ialah ayat yang menerangkan sesuatu perbuatan yang berlawanan. Kata hubung pertentangan ialah seperti *walaupun, walau bagaimanapun, namun, sedangkan, sekalipun* dan sebagainya. Contoh ayat-ayat nya ialah:

89. *Sungguhpun badannya letih* Ali tetap menghadiri majlis perayaan itu.

90. Mereka berpindah juga ke Bandar *sedangkan hati mereka masih di kampung.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi. Keterangan Harapan

Keterangan ini ialah unsur yang menerangkan sesuatu perbuatan atau kejadian yang dihajati. Kata hubung keterangan harapan ialah seperti *semoga, moga-moga, agar, kalau-kalau* , dan *supaya*. Contoh ayat-ayatnya ialah:

91. Kita mesti bertolak ansur *agar semua pihak berpuas hati.*

92. *Supaya suasana menjadi aman damai* mereka semua bersetuju dengan cadangan itu.

vii. Keterangan Cara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ayat keterangan ialah ayat yang menerangkan gaya atau kaedah sesuatu perbuatan. Kata hubung keterangan cara ialah *dengan.* Contoh ayatnya ialah:

93. Pemuda itu datang *dengan menaiki kereta api.*

viii. Keterangan Tujuan

Ayat keterangan tujuan ialah unsur yang menerangkan maksud bagi sesuatu perbuatan atau kejadian. Kata hubung keterangan tujuan ialah *seperti demi, untuk* dan *bagi.* Contoh ayat-ayatnya ialah:

94. *Demi menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum*, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah ditubuhkan.
95. Dua atom hydrogen dan satu atom oksigen bergabung *bagi membentuk satu molekul air.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ix. Keterangan Perbandingan

Keterangan perbandingan ialah ayat yang menerangkan kejadian yang menjadi persamaan. Kata hubung perbandingan adalah *seperti macam, seolah-olah, seakan-akan, ibarat, bagaikan* ,dan *bak.* Contoh ayat-ayatnya ialah:

96. Kanak-kanak itu mencebik bibirnya *seakan-akan hendak menangis.*
97. Pemuda itu sentiasa mengelamun *macam pungguk merindui bulan.*

b. Pelita Bahasa Melayu I-III (Edisi Baharu, 2000)

Za'ba (2000: 278), menghuraikan ayat majmuk pancangan sebagai ayat berkait yang terdiri daripada satu atau lebih ayat kecil bersatu dengan satu ayat besar, iaitu ayat yang lengkap binaan nahunya. Contohnya:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

98. Saya pun naik ke rumah bersalin pakaian setelah mandi-manda di sungai

Dalam ayat 98, *saya pun naik ke rumah bersalin pakaian* ialah ayat besar, manakala ayat *setelah sudah mandi-manda di sungai* merupakan ayat kecil yang tergantung maksudnya

Di samping itu, Za'ba membahagikan ayat kecil kepada 2 bahagian, iaitu ayat kecil yang menjadi *penerang* (ayat keterangan) dan ayat kecil yang menjadi *pencukup* (ayat kompleman). Za'ba membahagikan ayat kecil yang menjadi penerang kepada dua bahagian, iaitu yang menerangkan nama dan yang menerangkan lain daripada nama. Contohnya:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Yang menerangkan nama

99. Buah nangka *yang patut kita palut kelmarin* sudah dicuri orang.

ii. Yang menerangkan lain daripada nama

100. Negeri Tanah Melayu ini sangat makmur kerana hasil bijih timah dan getah terlalu banyak diperoleh di sini.

Selain itu, ayat yang menjadi *pencukup* pula ialah ayat kecil yang menjadi anggota betul tubuh ayat besar itu. Sekiranya ditinggalkan, nescaya ayat besar tidak akan menjadi ayat yang lengkap. Contohnya:

101. *Ia tidak datang mengaji itu* diketahui oleh bapanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam ayat 101, klausa *ia tidak datang mengaji itu* merupakan penubuh atau pelengkap kepada ayat besar dan sekaligus berfungsi sebagai subjek. Kesimpulannya, cerakinan Za'ba menjelaskan kepada kita bahawa Za'ba membahagikan ayat majmuk pancangan kepada 3 bahagian juga, iaitu ayat penerang frasa nama (ayat relatif), ayat penerang lain daripada frasa nama (ayat keterangan) dan ayat pencukup (ayat komplemen).

c. Leech. G. dan Svartvik. J. (1975)

Leech. G. dan Svartvik. J. (1975: 285) menghuraikan fungsi ayat relatif sebagai peluas frasa nama (*post modifier*) dengan penanda *who, whom, that* dan *kosong*. Contoh yang diberikan oleh Leec. G. dan Svartvik. J. ialah:

102. The record *which he owns* are mostly classical.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam ayat 102, klausa kecil *which he owns* dipancangkan atau disematkan dalam subjek. Selain itu, Leech juga menyatakan bahawa ayat kecil boleh dipancangkan pada objek. Contohnya:

103. I want a watch *which is waterproof*.

Di samping itu, Leech. G. dan Svartvik. J. menjelaskan bahawa ayat komplemen berfungsi sebagai melengkapkan binaan nahu ayat. Beliau membahagikan ayat komplemen kepada 3 bahagian, iatu komplemen frasa nama, frasa adjektif dan frasa kerja. Contoh komplemen frasa nama subjek (ayat 104) dan frasa kerja objek tepat (ayat 105) ialah:

104. That we badly need new equipment is obvious.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

105. I knows that she's bright.

d. Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia (TBBBI) (1988)

TBBBI (1988: 329), membahagikan ayat majmuk pancangan kepada dua bahagian, iaitu:

i. Bersifat melengkapi (Komplementatif)

ii. Bersifat menerangkan (klausa relatif dan klausa keterangan

Klausa relatif pula dibahagi kepada 2 bahagian iaitu, kluasa sematan pewatas atau penerang dan klausa sematan posesif. Beliau menyatakan bahawa klausa relatif sebagai klausa sematan yang berfungsi sebagai penerang suatu keadaan atau perbuatan yang dialami atau dilakukan oleh acuan nomina. Subordinat yang digunakan ialah *yang*. Klausa ini bersifat membatasi dan tidak membatasi. Contohnya:

i. Membatasi

106. Pamannya yang tinggal di Bogor meninggal kelmarin.

ii. Tidak membatasi

107. Isterinya, yang datang bersama dengan dia itu, seorang insinyur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, klausa sematan posesif pula ialah klausa yang menyatakan hubungan pemilikan. Caranya ialah dengan menambah partikel-*nya* pada kata nama yang berdiri sesudah penanda *yang.* Contohnya:

108. Pelamar *yang ijazahnya dari Boston itu* memenuhi persyaratan kami.

TBBBI (1988: 296), juga menjelaskan bahawa klausa keterangan merupkan ketarangan kepada inti ayat dan tanpa keterangan itupun, satu kalimat dapat mempunyai makna yang mandiri. TBBBI membahagikan klausa keterangan kepada 9 jenis, iaitu klausa waktu, tempat, tujuan, cara, penyerta, alat, similatif, penyebapan dan penyalingan.

Kesimpulannya, ayat majmuk pencangan merangkumi ayat relatif atau ayat sematan, ayat keterangan dan ayat komplemen. Kesemua ayat ini ditandai oleh penanda subordinat yang berfungsi sebagai penerang atau pelengkap pada, sama ada frasa nama, objek atau ayat.

3.3.3 Ayat Majmuk Campuran

a. Tatabahasa Dewan (Edisi Baharu, 1993)

Tatabahasa Dewan (1993) menjelaskan bahasa ayat majmuk campuran (AMC) ialah ayat yang mengandungi lebih daripada satu jenis ayat, yakni yang terdiri daripada campuran ayat tunggal dengan ayat majmuk atau deretan berbagai-bagai jenis ayat majmuk. Contohnya ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

109. Mereka mendaftarkan kanak-kanak yang lahir dalam tahun 1998, yang telah menerima suntikan.

Dalam ayat ini, dua ayat relatif telah dipancangkan ke dalam ayat induk, iaitu bagi membentuk ayat majmuk campuran. Ayat-ayat relatif tersebut ialah *yang lahir dalam tahun 1998* dan *yang menerima suntikan.*

Dalam kajian ini, kekerapan penggunaan ayat majmuk campuran dianalisis berdasarkan 4 pola ayat, iaitu:

i. Campuran pola ayat tunggal dengan pola ayat majmuk pancangan.
ii. Campuran pola ayat majmuk gabungan dengan ayat majmuk pancangan.
iii. Campuran pola ayat majmuk pancangan dengan ayat majmuk pancangan.
iv. Pola ayat majmuk yang mempunyai lebih daripada 4 kata hubung.

b. Pelita Bahasa Melayu I-III (Edisi Baharu, 2000)

Za'ba menjelaskan bahawa ayat campran ialah ayat yang di dalamnya terkandung ayat selapis dengan ayat berkait, atau ayat berlapis dengan ayat berkait, atau ayat berkait dengan ayat berkait yang lain. Contohnya:

110. Sungguhpun dia seorang yang berani dan badannya pun kuat pula, tetapi jikalau ia tiada bersenjata apakah hendak dilawannya apabila ia bertentang dengan musuh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam ayat 110 ini, Za'ba menjelaskan bahawa ayat besarnya ialah *apakah hendak dilawannya,* manakala ayat kecilnya ialah *jikalau ia tiada bersenjata* dan *apabila ia bertentang dengan musuh.*

Kesimpulanya, ayat majmuk campuiran ialah ayat yang mengandungi rentetan, sama ada ayat tunggal dengan ayat gabungan, ayat gabungan dengan ayat pancangan, ayat pancangan dengan ayat pancangan dan ayat pelbagai jenis ayat.

3.4 Ringkasan Cerakinan Ayat Majmuk

Ringkasnya, ayat majmuk yang dikaji dalam kajian ini diringkaskan dan dikodkan seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

A1 : AM Gabungan setara dan susunan fakta berurutan (penanda : *dan, lalu, serta, lagi, sambil,* dan sebagainya)

A2 : AM Gabungan susunan fakta bertentangan (penanda : tetapi, malah, melainkan, sebaliknya, padahal dan sebagainya)

A3 : AM Gabungan jenis cantuman kedua-dua jenis A1 dan A2

A4 : AMP Relatif (ayat kecil dipancang kepada kata nama subjek)

A5 : AMP Relatif (ayat kecil dipancang kepada kata nama predikat)

A6 : AMP Relatif (ayat kecil dipasifkan dan dipancang kepada ayat induk)

A7 : AMP Komplemen Frasa Nama Subjek

A8 : AMP Komplemen Frasa Frasa Nama Objek Tepat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

A9 : AMP Komplemen Frasa Kerja

A10 : AMP Komplemen Frasa Adjektif

A11: AMP Keterangan Musabab (penanda: *kerana, oleh sebab*, dan sebagainya)

A12 : AMP Keterangan Akibat (penanda: *hingga, sehingga*, dan sebagainya)

A13 : AMP Keterangan Syarat (Penanda: *Sekiranya, jika , kalau* dan sebagainya)

A14 : AMP Keterangan Waktu (Penanda: *apabila, semasa*, dan sebagainya)

A15 : AMP Keterangan Pertentangan (penanda: *sungguhpun,walaupun*)

A16 : AMP Keterangan Harapan (penanda: *agar, supaya*)

A17 : AMP Keterangan Cara (penanda: *dengan*)

A18 : AMP Keterangan Tujuan (penanda: *untuk*)

A19 : AMP Keterangan Perbandingan (penanda: *seperti* dan peribahasa)

A20 : AM Campuran (ayat tunggal dengan ayat pancangan)

A21 : AM Campuran (ayat majmuk gabungan dengan ayat pancangan)

A22 : AM Campuran (ayat pancangan dengan ayat majmuk pancangan)

3.5 Fungsi Kata Hubung

3.5.1 Fungsi Kata Hubung *untuk* sama ada Sebagai Penanda Ayat Komplemen atau Ayat Keterangan

Kata hubung *untuk* boleh berperanan sebagai penanda ayat majmuk komplemen atau ayat majmuk keterangan berdasarkan dua keadaan berikut, iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Kata hubung *untuk* sebagai penanda AMKomp wujud dalam binaan untuk + Frasa Komplemen, contohnya:

111. *Untuk melakukan perkara itu*, sangat sukar.

112. Sangat mustahak *untuk ayah memujuknya*.

Dalam ayat 111 dan 112 di atas, *untuk melakukan perkara itu* dan *untuk ayah memujuknya* merupakan frasa komplemen yang berfungsi sebagai objek dalam ayat induk.

ii. Kata hubung *untuk* sebagai penanda ayat majmuk keterangan-tujuan wujud dalam binaan ayat besar + untuk + ayat kecil. Contohnya:

113. Mereka membeli buku itu *untuk* dihadiahkan kepada ayah.

Dalam ayat 113 di atas, Klausa *Mereka membeli buku itu* merupakan ayat besar, manakala ayat kecilnya pula ialah *dihadiahkan kepada ayah*. Kesimpulannya, berdasarkan penentuan peranan kata hubung *untuk,* yang telah dianalisis di atas, dapatlah dibezakan jenis ayat majmuk yang dihasilkan oleh pelajar dalam penulisan karangan mereka .

3.5.2 Fungsi Kata *dengan* sama ada sebagai Kata sendi Nama atau Kata Hubung dalam Ayat Majmuk Pancangan Keterangan

Bagi memudahkan kerja-kerja menganalisis ayat, sama ada ayat tersebut ayat tunggal atau ayat majmuk keterangan, pengkaji membezakan ayat tersebut berdasarkan fungsi perkataan *dengan* dalam ayat tersebut. Terdapat dua fungsi

perkataan *dengan*, iaitu sebagai kata sendi nama (KSN) atau sebagai kata hubung. Fungsi perkataan *dengan* boleh dijelaskan seperti berikut, iaitu:

i. Fungsi *dengan* sebagai KSN.

Dalam konteks ini, Kata *dengan* berfungsi sebagai KSN jika hadir di hadapan kata nama atau frasa nama, contohnya:

114. Dia menebang pokok *dengan* kapak.

ii. Fungsi *dengan* sebagai kata hubung ayat majmuk keterangan-cara. Contohnya:

115. Dia menebang pokok *dengan* menggunakan kapak

Dalam ayat 115 di atas, kata *dengan* berfungsi sebagai kata hubung kerana dalam ayat ini terdapat dua ayat tunggal, iaitu, *Dia menebang pokok* dan *Dia menggunakan kapak.*

Kesimpulannya, berdasarkan perbincangan di atas, pengkaji dapat menentukan jenis ayat yang dihasilkan oleh pelajar, sama ada ayat tersebut ayat tunggal atau ayat majmuk keterangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Huraian Kesalahan Ayat Majmuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesalahan ayat majmuk yang dilakukan oleh pelajar dalam penulisan karangan mereka dianalisis berdasarkan penyimpangan sesuatu bentuk itu daripada bahasa Melayu baku, iaitu bentuk yang diterima oleh umum sebagai bentuk yang betul, yang mematuhi nahu dan bebas dari pengaruh laras bahasa tidak formal (Raminah Hj. Sabran, 1983).

Oleh itu, bagi menentukan sama ada ayat-ayat majmuk yang dihasilkan oleh pelajar itu salah atau tidak, pengkaji mengambil huraian *Tatabahasa Dewan* (Edisi Baharu, 1993), *Nahu Melayu Mutakhir* (Asmah Hj.Omar: 1993), dan *Analisis Kesalahan Nahu* (Raminah Hj. Sabran, 1983) sebagai sandaran kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Asmah Hj. Omar (1993)

a. Penggandingan Dua Klausa

Asmah Hj. Omar dalam Nahu Melayu Mutakhir (1993: 191), menyatakan bahawa untuk memungkinkan pergandingan dua klausa seluruhnya tanpa penghilangan mana-mana gatra, maka klausa-klausa yang terlibat tidak boleh mempunyai persamaan kata-kata pada gatra yang serupa. Contoh ayatnya ialah:

116. *Kami* memancing ikan dan *kami* berkelah.

117. Saya *ke Ipoh* dan abang *ke Ipoh*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beliau berpendapat bahawa ayat 116 dan 117 merupakan ayat yang tidak gramatis binaannya kerana klausanya mempunyai gatra yang sama, iaitu kata ganti diri *kami* dan frasa sendi nama *ke Ipoh.* Ayat-ayatdi atas sepatutnya begini, iaitu:

116a. Kami memancing ikan dan berkelah.

117b. Saya dan abang ke Ipoh.

b. Penggandingan Dua Objek

Menurut beliau, untuk memungkinkan penggandingan dua objek, maka perlulah ada persamaan pada subjek atau predikat dan juga adverba. Penggandingan adverba pula mestilah dari subgolongan yang sama (1993: 192). Contoh penggandingan objek adalah seperti berikut:

118. ia bercuti *besok* dan *lusa*

119. Dia membuat kerja itu dengan *teliti* dan *rapi* sekali.

Beliau menambah bahawa penggandingan dua subgolongan yang berlainan akan menimbulkan ayat yang janggal (tidak gramatis). Contohnya:

120. Dia bercuti *besok* dan *segera*

121. Dia membuat kerja itu dengan *teliti* dan *tergesa-gesa*

Kedua-dua ayat, iaitu ayat 120 dan 121 tidak gramatis kerana kedua-dua pasangan adverba, iaitu *besok - segera* dan *teliti – tergesa-gesa* mempunyai makna yang bertentangan dan bukan dalam subgolongan yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Penggantian Kata Hubung *walhal* dan *sedangkan* dengan Kata Hubung *tetapi.*

Beliau menambah bahawa kata hubung *tetapi* tidak boleh ditukar ganti dengan kata hubung lain seperti *walhal* dan *manakala* sewenang-wenangnya (1993: 198). Ayat 122 dan 123 menunjukkan bahawa proses tukar ganti tersebut telah membentuk ayat yang tidak gramatis. Contoh ayatnya ialah:

122. Dia berjimat cermat, *tetapi* ayahnya seorang hartawan.

123. Ramai orang yang hilang, *tetapi* beratus-ratus kehilangan rumah tangga dalam gempa bumi itu.

Ayat di atas sepatutnya seperti berikut:

122a. Dia berjimat cermat, *walhal* ayahnya seorang hartawan.

123a. Ramai orang yang hilang, *sedangkan* beratus-ratus kehilangan rumah tangga dalam gempa bumi itu.

d. Klausa Fakta atau Klausa Komplemen

Klausa Fakta ditandai oleh kata penghubung *bahawa* dan mestilah dalam binaan berikut:

Subjek + Predikat Nama / Frasa Nama

Contoh ayatnya ialah:

124. Bahawa negara itu kucar-kacir adalah hal yang hangat diperkatakan sekarang ini

Dalam hal ini, beliau berpendapat bahawa jika klausa ini dimasukkan dalam struktur *FN + FK,* iaitu predikatnya terdiri daripada frasa kerja, maka lahirlah ayat yang janggal, misalnya

125. Bahawa negara itu kucar-kacir hangat diperkatakan sekarang ini.

e. Pengguguran Kata Hubung Komplemen *bahawa*

Asmah Hj. Omar (1993: 343) menambah bahawa, dalam bahasa sehari-hari, kata hubung komplemen *bahawa* biasanya digugurkan. Contohnya:

126 Dia berkata permohonannya berhasil.

127. Saya tahu dia orang baik.

Namun demikian, dalam bahasa formal atau penulisan, ayat 126 dan 127 tidak dianggap betul nahunya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

f. Penggantian Kata Hubung *bahawa* dalam Ayat Majmuk Komplemen Objek kepada Kata Relatif *yang*

Asmah menyatakan bahawa bahawa kata hubung *bahawa* dalam ayat (6) boleh digantikan dengan kata relatif *yang* (1993: 202). Contohnya:

128. Kami tidak menduga *bahawa* ia akan tahu hal itu.

129. Kami tidak menduga *yang* ia akan tahu hal itu.

Bagaimanapun, menurut Asmah Hj. Omar, klausa objek dengan *yang* seperti dalam ayat 129 tidak begitu kerap digunakan dalam bahasa bertulis atau formal, tetapi hanya digunakan dalam bahasa lisan atau tidak formal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Tatabahasa Dewan (1993)

a. Gabungan Ayat-ayat yang Mempunyai Unsur yang Sama

Jikalau ayat-ayat yang digabungkan itu mempunyai yang sama dan diulang, maka bahagian yang sama itu boleh digugurkan (Nik Safiah Karin *et al.,* 1993: 481). Contohnya, ayat-ayat 130 dan 131 di bawah boleh digabungkan dan membentuk ayat 132.

130. Ali *pandai bermain* bola.

131. *Ali pandai bermain* hoki.

132. Ali pandai bermain bola dan hoki.

Contoh-contoh lain yang sama ialah:

133. *Anjing itu* menggigit kakinya.

134. *Anjing itu* lari.

yang boleh menghasilkan ayat,

135. Anjing itu menggigit kakinya, lalu lari.

Huraian tatabahasa ini turut menjelaskan bahawa bentuk ayat yang berikut agak janggal dan tidak menepati kehendak bahasa penulisan. Contohnya ayat ini ialah:

136. Rumah itu baru siap dan rumah itu belum ada penghuninya.

Ayat ini sepatutnya seperti ayat di bawah ini:

137. Rumah itu baru siap dan belum ada penghuni lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Gabungan Ayat-ayat yang Bukan daripada Jenis yang Sama dan Bertentangan Fakta

Ayat-ayat daripada jenis yang berlainan tidak boleh digabungkan (Nik Safiah Karim *et al.*, 1993: 481). Contohnya:

138. Pergilah masuk ke bilik dan tidur!

139. Bolehkah anda datang esok dan menyiapkan kerja itu?

Ayat-ayat 138 dan 139 tidak gramatis kerana ayat-ayat gabungan ini terdiri daripada gabungan dua ayat yang tidak sama jenis. Ayat 138 terdiri daripada gabungan ayat silaan dan ayat seruan, manakala ayat 139 pula terdiri daripada ayat permintaan dan ayat tanya.

Selain itu, ayat-ayat yang bertentangan makna juga tidak boleh digabungkan. Contohnya:

140. Ahmad rajin belajar dan tidur!

140. Pergilah masuk tidur dan sungai itu sangat kotor.

c. Ayat Komplemen Berpenanda *yang*

Kadangkala kata relatif *yang* digunakan sebagai penanda komplemen dalam ayat komplemen frasa nama (Nik Safiah Karim *et al.* 1993: 488). Misalnya dalam ayat-ayat 6 (a) dan 6 (b) di bawah:

141. Dia mengetahui *yang* Ahmad telah pergi.

142. Penduduk kampung itu menyedari *yang* nasib mereka terancam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun demikian, ayat-ayat ini tidak boleh diterima dalam bahasa penulisan.

d. Penggunaan Kata Hubung *untuk* dalam Ayat Komplemen Struktur FN Kata Komplemen *untuk*

Dalam ayat majmuk komplemen struktur FN kata komplemen *untuk,* ayat komplemen berfungsi sebagai subjek ayat. Oleh itu, kata komplemen *untuk* tidak boleh digugurkan (Nik Safiah Karim *et al.*, 1993: 489). Contohnya ialah:

143. Untuk Ali melakukannya sangat sukar.

Oleh itu, ayat 144 merupakan ayat yang tidak gramatis bentuknya kerana kata hubung subordinat dalam ayat ini telah dugugurkan. Contohnya:

144. Ali melakukannya sangat sukar.

e. Pengunaan Kata Hubung dalam Ayat Majmuk Keterangan

Kehadiran ayat kecil dalam ayat majmuk keterangan hendaklan dihubungkan dengan penanda keterangan seperti *kerana , ketika, oleh sebab, sungguhpun, padahal, walhal* dan sebagainya. Hal ini demikian kerana ayat kecil atau klausa tak bebas, tidak boleh hadir sendiri (Asmah Hj.Omar 1993). Contohnya ialah:

145. Saya bekerja dahulu, dia bukan ketua saya.

146. Mereka mengamalkan dasar apartied, negara itu dikenakan sekatan ekonomi.

Ayat-ayat ini sepatutnya:

147. *Ketika* saya bekerja dahulu, dia bukan ketua saya.

148. *Oleh sebab* mereka mengamalkan dasar apartied, negara itu dikenakan sekatan ekonomi.

f. Penggunaan Kata Hubung *untuk* yang Berulang dalam Ayat Majmuk Gabungan Berpenanda *tetapi* dan Kata Nafi *bukan*

Kata hubung *untuk* yang berulang dalam ayat majmuk gabungan yang mengandungi kata nafi bukan dan kata hubung tetapi tidak boleh digugurkan (Asmah Hj. Omar, 1993: 249). Misalnya dalam ayat 149 berikut:

149. Makanan itu bukan *untuk* Ratna tetapi *untuk* adiknya.

Sebaliknya ayat 149 tidak gramatis jika salah satu daripada kata hubung *untuk* itu digugurkan. Misalnya:

149a. Makanan itu bukan *untuk* Ratna tetapi adiknya.

g. Penggunaan KSN yang Berulang dalam Ayat Majmuk Gabungan

KSN yang berulang dalam ayat majmuk gabungan tidak boleh digugurkan (Asmah Hj. Omar, 1993: 249). Misal dalam ayat-ayat 150 dan 151 berikut:

150. Lelaki itu pernah tinggal *di* Ipoh dan *di* Kuala Lumpur.

151. Keretapi itu bukan *dari* Ipoh tetapi *dari* Gemas.

Sebaliknya, ayat-ayat di bawah ini adalah tidak gramatis jika KSN yang itu digugurkan. Misalnya;

150a. Lelaki itu pernah tinggal *di* Ipoh dan Kuala Lumpur.

151b. Keretapi itu bukan *dari* Ipoh tetapi Gemas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Analisis Kesalahan Nahu Raminah Hj. Sabran (1983)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi menentukan kesalahan ayat majmuk campuran, pengkaji mengambil penentuan yang dilakukan oleh Raminah Hj. Sabran (1983). Raminah Hj. Sabran menyatakan bahawa ayat yang panjang dan yang meleret-leret merupakan kesalahan utama dalam ayat majmuk campuran. Beliau juga menyatakan bahawa terdapat dua kesalahan utama yang sering dilakukan oleh pelajar dalam pembinaan ayat majmuk campuran. Kesalahan tersebut ialah:

i. Tidak menyambung ayat-ayat yang sepatutnya disambung hingga menyebabkan ayat-ayat itu terlalu pendek dan tidak sesuai untuk karangan yang bersifat akademik. Contohnya:

152. Kami beramai-ramai ingin membantu mereka menyudahkan jalan itu. Kami gagal. Mereka tidak mahu dibantu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ayat ini sepatutnya:

152a. Kami beramai-ramai ingin membantu mereka menyudahkan jalan itu *tetapi* hasrat kami gagal *kerana* mereka tidak mahu dibantu

ii. Menyambungkan ayat yang sepatutnya dipisahkan. Contohnya:

153. Beliau menyebut beberapa kesalahan bahasa yang agak menonjol seperti kesalahan menggunakan imbuhan secara tidak sempurna dan proses pengimbuhan yang salah, kesalahan memakai *di* sebagai sendi merupakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesalahan yang paling utama, begitu juga dengan kesalahan meletakkan sendi ... .

Ayat sepatutnya boleh dipecahkan seperti berikut:

153a. Beliau menyebut, antara kesalahan bahasa yang menonjol ialah kesalahan menggunakan imbuhan secara tidak sempurna, proses pengimbuhan yang salah dan yang paling utama ialah kesalahan pemakaian imbuhan *di* sebagai sendi nama. Selain itu, kesalahan meletakkan sendi ...

Selain itu, Raminah Hj. Sabran (1983: 133), turut menyentuh tentang kesalahan susunan ayat majmuk relatif. Beliau menyatakan bahawa antara kesalahan ayat yang dilakukan oleh pelajar ialah kesalahan susunan komponan. Contoh kesalahan tersebut ialah:

154. Anaknya maju dalam pelajarannya yang menerima galakan dari guru-guru di sekolah.

Ayat ini sepatutnya:

154a. Anaknya yang menerima galakan dari guru-guru di sekolah, maju dalam pelajarannya.

Berdasarkan huraian *TBDEB* (1993), *Nahu Melayu Mutakhir* (1993), *Analisis Kesalahan Nahu* (Raminah Hj. Sabran, 1983), pengkaji telah membuat ketetapan tentang betul-salah ayat-ayat majmuk yang dihasilkan oleh pelajar dalam penulisan karangan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Penentuan Jenis Kesalahan Ayat Majmuk untuk Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi menganalisis jenis kesalahan ayat-ayat majmuk yang dilakukan oleh pelajar pengkaji telah menentukan jenis kesalahan ayat majmuk berdasarkan rumusan terhadap huraian *TBDEB* (1993), *Nahu Melayu Mutakhir* (Asmah Hj. Omar, 1993), *Analisis Kesalahan Nahu* (Raminah Hj. Sabran, 1983) dan kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar (data diperoleh dalam ujian rintis). Kesimpulanya, jenis kesalahan ayat majmuk ini terbahagi kepada 3 bahagian utama, iaitu:

a. Kesalahan ayat majmuk gabungan
b. Kesalahan ayat majmuk pancangan
c. Kesalahan ayat majmuk campuran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap kesalahan yang telah ditetapkan jenisnya ini pula dikodkan bertujuan bagi memudahkan kerja-kerja menganalisis ayat-ayat tersebut. Berikut ialah jenis kesalahan ayat-ayat majmuk mengikut bahagiannya, iaitu:

3.7.1 Kesalahan Ayat Majmuk Gabungan

Terdapat enam (6) kesalahan utama ayat majmuk gabungan. Kesalahan tersebut ialah:

a. Kesalalahan kerana Mengulangi Predikat yang Sama (S 1)

Contohnya:

155. Adik makan nasi dan abang makan nasi .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ayat ini sepatutnya:

155a. Adik dan abang makan nasi.

b. Kesalahan kerana Tidak Mengulangi Subjek yang Sama (S 2)

Contohnya:

156. Mereka pergi ke Ipoh dan mereka membeli-belah.

Ayat ini sepatutnya:

156a. Mereka pergi ke Ipoh dan membeli-belah.

c. Kesalahan kerana Tidak Mengulangi KSN , seperti *untuk, dari, di* dan Sebagainya dalam Ayat yang Mempunyai Kata Hubung Berpasangan (S3)

Contohnya:

157. Majalah itu sesuai bukan sahaja *untuk* guru tetapi juga pelajar

158. Dia bukan datang *dari* Kuala Lumpur tetapi Ipoh.

159. Dia bukan tinggal *di* Tapah tetapi Tanjong Malim

Ayat-ayat ini sepatutnya:

157a. Majalah itu sesuai bukan sahaja *untuk* guru tetapi juga *untuk* pelajar.

158a. Dia bukan datang *dari* Kuala Lumpur tetapi *dari* Ipoh.

159a Dia bukan tinggal *di* Tapah tetapi *di* Tanjong Malim.

d. Kesalahan kerana Meninggalkan Kata Sendi dalam Ayat Majmuk Gabungan Subjek (S 4)

Contohnya:

160. Dia akan melanjutkan pelajaran *di* Amerika dan England.

Ayat ini sepatutnya:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

160a. Dia akan melanjutkan pelajaran *di* Amerika dan *di* England.

e. Kesalahan kerana Susunan Fakta Bertentangan Maksud dan Ayat yang digabungkan daripada Golongan yang Berlainan (S 5)

Contoh:

161. Ali rajin membaca buku dan kuat tidur. (fakta bertentangan).

162. Dia bercuti besok dan segera! (berlainan golongan).

Ayat-ayat di atas sepatutnya seperti berikut:

161a. Dia rajin membaca buku dan mengulangkaji pelajaran.

162a. Dia bercuti besok dan mungkin bekerja kembali pada minggu depan.

f. Kesalahan kerana Menggunakan Kata Hubung yang Salah (S 6)

Contoh ayatnya ialah:

163. Dia berjimat cermat, *tetapi* ayahnya seorang hartawan.

164. Ramai orang yang hilang, *tetapi* beratus-ratus mangsa kehilangan rumah tangga dalam gempa bumi itu.

Ayat ini sepatutnya:

163a. Dia berjimat cermat, *walhal* ayahnya seorang hartawan.

164a. Ramai orang yang hilang, *malah* beratus-ratus mangsa kehilangan rumah tangga dalam gempa bumi itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.2 Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Pancangan

Kesalahan ayat majmuk pancangan terbahagi kepada 3 kategori utama, iaitu:

a. Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Pancangan Relatif

i. Kesalahan kerana Tidak Menggunakan Penanda Relatif *yang* (S7)

Contoh ayatnya ialah:

165. Mereka menyaksikan persembahan sungguh lucu itu.

Ayat ini sepatutnya:

165a. Mereka menyaksikan persembahan *yang* sungguh lucu itu.

ii. Kesalahan susunan unsur ayat majmuk relatif (S 8)

Contoh kesalahan ayat ini ialah:

166. Anaknya maju dalam pelajarannya *yang* menerima galakan daripada guru-guru di sekolahnya. (dipetik dalam Raminah Hj. Sabran, 1983: 133)

Ayat ini sepatutnya:

166a. Anaknya *yang* menerima galakan daripada guru-guru di sekolahnya maju dalam pelajaran.

b. Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Pancangan Komplemen

i. Kesalahan kerana Menggugurkan Kata Hubung *bahawa* dalam Ayat Komplemen (S 9)

Contoh ayatnya ialah:

167. Saya tahu dia orang baik. (Asmah Hj. Omar, 1993: 343)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ayat ini sepatutnya:

167a. Saya tahu *bahawa* dia orang baik.

ii. Kesalahan kerana Menggunakan Penanda Relatif *yang* Sebagai Kata Hubung Komplemen dalam Ayat Komplemen Objek (S 10)

Contoh ayat ini ialah:

168. Mereka menjelaskan yang perkara itu telah diselesaikan.

Ayat ini sepatutnya:

168a. Mereka menjelaskan *bahawa* perkara itu telah diselesaikan.

iii. Kesalahan kerana Menggugurkan Penanda Komplemen *untuk* dalam Ayat Majmuk Komplemen Bersusunan;*untuk* + *Frasa Nama (FN)* (S 11)

Contoh ayatnya ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

169. Ali melakukannya amat sukar.

Ayat sepatutnya ialah:

169a. Untuk ali melakukannya amat sukar.

iv. Kesalahan kerana Menggunakan Klausa Komplemen Sebagai Subjek Ayat dalam Binaan Ayat *FN* + *FK* (S 12)

Contoh ayat ini ialah:

170. *Bahawa* negara itu kucar-kacir hangat diperkatakan.

Ayat sepatutnya mestilah dalam binaan *FN* + *FN*, seperti berikut:

170a. *Bahawa* negara itu kucar-kacir adalah hal yang hangat diperkatakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Keterangan.

i. Kesalahan kerana Tidak Menggunakan Kata Hubung Sebagai Penanda Keterangan (S 13)

Contoh ayatnya ialah:

171. Dia berjaya kuat berusaha.

Ayat sepatutnya ialah:

71a. Dia berjaya *kerana* kuat berusaha.

ii. Kesalahan Penggunaan Kata Hubung Keterangan (S 14)

Contohnya:

172. Bila hari hujan, saya tidak akan pergi ke sekolah.

Ayat yang sepatutnya ialah:

172a. *Apabila* hari hujan, saya tidak akan pergi ke sekolah.

iii. Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Keterangan (S 15)

Contoh ayatnya ialah:

173. Ini *kerana* perkara itu belum dibincangkan lagi.

Ayat ini sepatutnya:

173a. Hal ini demikian *kerana* perkara itu belum dibincangkan lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.3 Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Campuran

a. Struktur Ayat Berbelit-belit Struktumya (S 16)

Struktur ayat berbelit-belit ialah struktur ayat tidaj jelas subjek dan predikatnyanya:

174. Oleh itu remaja yang belum menjangkau usia lapan belas tahun *adalah menjadi kesalahan kepada sesiapa yang membawa kereta* kerana ianya dikhuatiri belia ini akan mendapat kemalangan dan sebagainya.

Dalam ayat 174, frasa yang condong kurang jelas maksudnya kerana penggunaan kata ganti nama *sesiapa* tidak merujuk secara khusus kepada remaja. Oleh itu, bagi menjelaskan maksud majmuk campuran ini, kata ganti nama *sesiapa* digantikan dengan dengan kata ganti nama *mereka*. Misalnya:

174a. Oleh itu, remaja yang belum menjangkau usia lapan belas tahun *akan dianggap bersalah jika mereka memandu kereta* kerana mereka dikhuatiri akan mendapat kemalangan dan sebagainya.

b. Kesalahan kerana subjek dan predikatnya kabur (S 17)

Kesalahan ayat jenis ini ialah penggunaan ayat yang terlalu panjang dan setiap ayat yang menjadi unsur di dalam ayat majmuk campuran ini ditandai oleh tanda *koma* sahaja. Selain itu, ayat seumpama ini juga biasanya menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

banyak kata hubung 'dan', 'dengan' dan sebagainya. Ayat ini juga sebenarnya perlu dipisahkan (Gevaratnam, 1991: 76). Contoh ayat ini ialah:

175. Orang-orang yang berjalan kaki mesti berjalan di sebelah kanan jalan yang disediakan kerana dengan itu, mereka dapat melihat jalan.

176. Beliau menyebut beberapa kesalahan bahasa yang agak menonjol seperti kesalahan menggunakan imbuhan secara tidak sempurna dan proses pengimbuhan yang salah, kesalahan memakai *di* sebagai kata sendi merupakan kesalahan yang paling utama, begitu juga dengan kesalahan meletakkan ...

Ayat-ayat ini sepatutnya ialah:

175a. Orang-orang yang berjalan kaki, mestilah berjaan di sebelah kanan jalan dan berjalan di ruang yang telah disediakan. Keadaan ini supaya mereka dapat melihat kereta yang datang.

176a. Beliau menyebut, antara kesalahan bahasa yang menonjol ialah kesalahan menggunakan imbuhan secara tidak sempurna, proses pengimbuhan yang salah dan yang paling utama ialah kesalahan pemakaian imbuhan *di* sebagai kata sendi nama. Selain itu, kesalahan meletakkan sendi. ....

Kesimpulannya, terdapat 17 jenis kesalahan ayat majmuk yang dikaji dalam kajian ini. Ringkasan jenis kesalahan tersebut ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Kesalahan Ayat Majmuk Gabungan

a. Kesalalahan kerana mengulangi predikat yang sama (S 1).

b. Kesalahan kerana tidak mengulangi subjek yang sama (S 2).

c. Kesalahan kerana tidak mengulangi KSN, seperti *untuk, dari, di* dan sebagainya dalam ayat yang mempunyai kata hubung berpasangan (S 3).

d. Kesalahan kerana meninggalkan kata sendi dalam ayat majmuk gabungan subjek (S 4).

e. Kesalahan kerana susunan fakta bertentangan maksud dan ayat yang digabungkan daripada golongan yang berlainan (S 5)

f. Kesalahan kerana menggunakan kata hubung yang salah (S 6).

2. Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Pancangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Pancangan Relatif

i. kesalahan kerana tidak menggunakan penanda relatif *yang* (S 7).

ii. Kesalahan susunan unsur ayat majmuk relatif (S 8).

b. Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Pancangan Komplemen

i. Kesalahan kerana menggugurkan kata hubung *bahawa* dalam ayat komplemen (S 9).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Kesalahan kerana menggunakan penanda relatif *yang* sebagai kata hubung komplemen dalam ayat komplemen objek (S 10).

iii. Kesalahan kerana menggugurkan penanda komplemen *untuk* dalam ayat majmuk komplemen bersusunan : *untuk + Frasa nama* (S 11).

iv. Kesalahan kerana menggunakan klausa komplemen sebagai ayat dalam binaan ayat *FN + FK* (S 12).

c. Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Keterangan

i. Kesalahan kerana tidak menggunakan kata hubung sebagai penanda keterangan (S 13).

ii. Kesalahan penggunaan kata hubung keterangan (S 14).

iii. Kesalahan struktur ayat majmuk keterangan (S 15).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Kesalahan Struktur Ayat Majmuk Campuran

a. Struktur ayat berbelit-belit strukturnya (S 16).

b. Kesalahan kerana subjek dan predikatnya kabur dan tidak jelas (S 17).

3.8 Kajian Tentang Kesalahan Ayat Majmuk

Bahagian ini akan menghuraikan tentang pendapat dan kepentingan analisis kesalahan ayat majmuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

I. Pendapat Tentang Analisis Kesilapan atau Kesalahan Ayat Majmuk

Corder (1981: 11), menjelaskan kesilapan bahasa sebagai bentuk- bentuk pertuturan yang menyimpang atau yang menyalahi bentuk-bentuk penutur jati. Menurut Corder lagi (1977: 256), kesilapan bahasa kerap berlaku di kalangan pelajar yang sedang menguasai bahasa natifnya (BI). Kesalahan pula berlaku pada pelajar yang hendak menguasai bahasa kedua (B2). Kenyataan ini disokong oleh Juriah Long *et al.* (1994: 308). Mereka menyatakan bahawa kesilapan bahasa adalah sesuatu bentuk penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa yang diterima sebagai bahasa baku oleh penutur jati yang terpelajar dan kesilapan ini meliputi semua aspek bahasa seperti tatabahasa, ejaan, sebutan, penggunaan perkataan dan istilah.

Berdasarkan kenyataan Corder (1981) dan Juriah Long *et al.* (1994) di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa kesalahan bahasa terjadi di kalangan bukan penutur jati atau B2. Namun demikian, Tarigan (1990: 66), berpendapat bahawa kesalahan bahasa juga boleh berlaku di kalangan penutur jati atau BI. Hal ini berlaku kerana BI mengalami gangguan dialek ketika mempelajari bahasa ibudanya sendiri. Pendapat ini disokong oleh Ellis (1994: 51). Beliau menyatakan bahawa penutur B1 juga melakukan kesalahan kerana pengetahuan bahasa mereka tidak menepati kehendak rumus bahasa standard atau bahasa formal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

II. Kepentingan Analisis Kesilapan atau Kesalahan Bahasa

Analisis kesilapan atau kesalahan bahasa ini penting kerana analisis ini dapat memberikan maklumat tentang daerah-daerah dan punca-punca kesulitan pelajar yang perlu diberikan tumpuan dan daripadanya dapat dicadangkan langkah-langkah pembaikan (Corder, 1981).

Di samping itu analisis kesalahan bahasa ini juga merupakan satu aset (Hendrickson 1978) dan pemberi maklum balas (North, 1979) kepada pelajar dan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa serta dapat membantu guru membetulkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajarnya. Thompson (1965), pula berpendapat bahawa pengabaian terhadap analisis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan pelajar boleh menyebabkan skil penulisan pelajar tidak akan meningkat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis kesalahan bahasa juga dapat membantu guru mengetahui keberkesanan sesuatu teknik pengajarannya. Guru-guru juga dapat mengenal pasti daerah kesalahan pelajar dan akhirnya dapat membantunya membuat keputusan sama ada meneruskan pengajaran pelajaran atau mengajar semula bahan-bahan yang telah diajarnya dengan melakukan pengubahsuaian teknik dan pendekatan pengajarannya (Ibrahim Ahmad, 1989: 612-614).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB IV

METODOLOGI KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincang, mengupas dan menghuraikan reka bentuk kajian, persampelan, tempat kajian, alat kajian, prosedur kajian, prosedur pengumpulan data dan teknik penganalisisan data. Bab ini juga akan menghuraikan langkah-langkah yang digunakan bagi mengumpul kekerapan penggunaan dan kesalahan ayat majmuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan secara deskriptif. Pendekatan ini digunakan bagi menghuraikan secara kuantitatif kekerapan penggunaan dan kekerapan kesalahan ayat-ayat majmuk dalam penulisan pelajar serta untuk mengetahui tahap karangan mereka berdasarkan kesalahan atau kesilapan penggunaan ayat-ayat majmuk yang dilakukan oleh sampelan.

Kajian ini juga cuba mengkaji hubungan antara kemampuan pelajar menggunakan ayat majmuk dengan faktor-faktor lain seperti kaum, jantina, status

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sosioekonomi (SES), bahasa pertuturan dan pencapaian bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Selain itu, kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan. Kaedah ini digunakan kerana menurut Shaughnessy *et al.* (2000: 148) kaedah tinjauan yang melibatkan pemilihan sampel kajian boleh menjawab soalan-soalan kajian. Kesimpulannya, tinjauan merupakan satu kajian untuk mendapatkan data bagi menjawab soalan-soalan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa bagi mendapat maklumat terperinci tentang tahap penggunaan dan kesalahan ayat majmuk di kalangan pelajar tingkatan enam rendah serta faktor-faktor yang mempengaruhinya, kaedah kajian ini sangat sesuai dijalankan.

4.3 Populasi dan Sampel Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Populasi kajian ini terdiri daripada seluruh pelajar Tingkatan Enam Rendah yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat STPM tahun 2001 di Sekolah Menengah Kebangsaan Buyong Adil (SMKBA), Tapah, Perak. Berdasarkan Retan Bulanan, September 2000, terdapat 72 orang pelajar mendaftar untuk mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai sebahagian daripada pakej STPM tahun 2001.

Bagi mengurangkan ralat persampelan, seluruh populasi dijadikan sampel. Hal ini demikian kerana menurut Mohd. Majid Konting (1994: 66) dan Shaughnessy *et al.* (2000: 115), saiz sampel yang kecil lebih terdedah kepada ralat persampelan berbanding dengan sampel atau subjek yang bersaiz besar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mereka menambah, semakin meningkat saiz sampel, semakin hampir min sampel dengan min populasi. Selain itu, Cates (1985), juga mencadangkan supaya penyelidik menggunakan sampel terbesar yang mampu diperoleh penyelidik. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji telah melibatkan bilangan sebenar pelajar yang mendaftar mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai sebahagian pakej STPM tahun 2001 sebagai sampel dalam kajian ini. Pecahan sampel yang terlibat dalam kajian ini ialah seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Taburan Sampel Mengikut Jantina dan Kaum

Kaum	Taburan sampel berdasarkan jantina dan kaum		
	Lelaki (%)	Perempuan (%)	Jumlah (%)
Melayu	13 (18%)	37 (52%)	50 (70%)
Asli	1 (1.5%)	1(1.5%)	2 (3%)
Cina	0	6 (9%)	6 (9%)
India	3 (4%)	11 (15%)	14 (19%)
Jumlah	17 (23.5%)	55 (76.5%)	72 (100%)

Sumber: Retan Bulanan, 30 September 2000 Sekolah Menengah Kebangsaan Buyong Adil, Tapah,Perak.

Berdasarkan Jadual 1, bilangan sampel kajian ini didominasikan oleh pelajar Melayu, iaitu 69.4% (50 orang). Kadar ini menyamai kadar keseluruhan pelajar Melayu di sekolah ini, iaitu 69% (lihat Jadual 2). Dari segi jantina pula, sampel ini dimonopoli oleh pelajar perempuan, iaitu 76.49% atau 53 orang berbanding dengan pelajar lelaki, iaitu hanya 23.6% atau 17 orang sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, pemilihan sampel ini sesuai kerana kadar peratus bagi setiap kumpulan yang diwakilkan dalam kajian ini menghampiri kadar keseluruhan pelajar di sekolah ini.

Tambahan pula taburan populasi ini terdiri daripada pelbagai kaum, jantina, pencapaian, dan bahasa pertuturan. Keadaan ini menggambarkan taburan sebenar pelajar sekolah ini dan juga sekolah-sekolah lain yang terdapat di negara ini. Malah, sampel ini juga dipilih kerana pelajar-pelajar ini tidak menduduki peperiksaan STPM tahun 2000.

Seterusnya, sampel ini dipilih kerana dapatan kajian ini nanti boleh dijadikan panduan bagi membantu guru bahasa khususnya mengenal pasti masalah penggunaan ayat majmuk di kalangan pelajar apabila mereka berada dalam Tingkatan Enam Atas nanti. Sementara itu, dapatan ini juga boleh dijadikan panduan dalam membentuk satu proses pengajaran dan pembelajaran karangan yang berkesan bagi menyediakan pelajar tingkatan enam atas supaya mahir menggunakan ayat majmuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2

Taburan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Buyong Adil, Tapah, Perak.

Kaum	Jantina		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Bumiputera	396 (30%)	524 (39%)	920 (69%)
Cina	53 (4%)	66 (5%)	119 (9%)
India	164 (12%)	135 (10%)	299 (22%)
Lain-lain	1(0.05%)	1 (0.05%)	2 (0.1%)
Jumlah	614 (46%)	726 (54%)	1340 (100%)

Sumber: Retan Bulan September, 2000 Sekolah Menengah Kebangsaan Buyong Adil, Tapah, Perak.

4.4 Alat Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah penulisan karangan pelajar dan soal selidik maklumat pelajar.

4.4.1 Penulisan Karangan

Penulisan karangan pelajar digunakan bagi mendapatkan data tentang kemampuan pelajar menggunakan ayat majmuk dan hubungannya dengan faktor-faktor lain seperti kaum, jantina, pencapaian bahasa Melayu peringkat SPM, SES dan bahasa pertuturan. Dalam proses melaksanakan kajian ini, karangan pelajar dalam peperiksaan yang sebenar, iaitu peperiksaan akhir tahun, tahun 2000 telah digunakan sebagai bahan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peperiksaan ini telah dikendalikan oleh pihak sekolah dan diselia oleh guru yang mengajar pada waktu itu. Terdapat enam (6) soalan karangan pelbagai jenis dikemukakan dalam peperiksaan akhir tahun (lihat Lampiran A). Tajuk karangan tersebut adalah seperti berikut :

1. Masalah wabak penyakit berjangkit seperti Penyakit Tangan, Kuku dan Mulut (TKM), JE, Malaria dan sebagainya sering menyerang kita. Antara punca utama berlakunya penyakit berjangkit ini ialah amalan pemakanan yang buruk di kalangan masyarakat. Sejauh manakah anda bersetuju dengan penyataan ini?

2. Dasar penswastaan perkhidmatan kesihatan di negara ini memberi kesan positif kepada rakyat. Bahaskan.

3. Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan di daerah anda, satu pertandingan pidato telah diadakan. Sebagai salah seorang peserta pertandingan pidato tersebut, sediakan teks pidato yang bertajuk "Bangsa Bermaruah Negara Berdaulat" selengkapnya.

4. Kemerosotan kualiti remaja kini bukan sahaja dilihat dari segi pencapaian akademik malah melalui tingkah laku mereka. Kini wabak lepak, pengambilan pil ecstasy, budaya samseng semakin rancak melanda golongan ini. Sebagai seorang pegawai di Kementerian Belia dan Sukan, sediakan satu laporan lengkap tentang punca-punca dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Kini, masalah warga tua terbiar kerana kesibukan semakin berleluasa. Demi menampung warga tua yang tersisih, rumah kebajikan awam mahupun swasta telah kian banyak didirikan. Berikan pendapat anda tentang keperluan rumah kebajikan untuk golongan warga tua ini.

6. Belakangan ini kedatangan tenaga buruh asing ke negara kita telah menimbulkan pelbagai kesan terhadap ekonomi dan sosial. Bincangkan penyataan ini.

Bagi mempastikan soalan karangan ini mempunyai kesahan, pengkaji telah menggunakan soalan karangan STPM yang sebenar dan juga melalui kesahan muka, iaitu pengkaji telah berbincang dengan Ketua Panitia Bahasa Melayu dan guru-guru yang mengajarkan Bahasa Melayu Tingkatan Enam. Tujuannya supaya soalan-soalan ini sesuai dengan sukatan pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam.

4.4.2 Soal Selidik Maklumat Pelajar

Soal Selidik latar belakang pelajar digunakan bagi mendapat data tentang latar belakang pelajar dan keluarganya (Lihat Lampiran B). Tujuan maklumat tersebut untuk melihat taburan kaum, jantina, pencapaian bahasa Melayu peringkat SPM, bahasa pertuturan dan SES pelajar. Semua dapatan ini akan dikaitkan dengan kemampuan pelajar menggunakan ayat majmuk dalam penulisan. Soal selidik ini dibahagi kepada dua bahagian iaitu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

I. Latar Diri Pelajar

Perkara yang terkandung dalam bahagian ini ialah nama pelajar, jantina, kaum, sekolah dahulu, keputusan Bahasa Malayu Peringkat SPM tahun 1999, bahasa yang digunakan untuk berhubung dengan ahli keluarga semasa di rumah, dan bahasa yang digunakan untuk berhubung dengan rakan dan guru semasa di sekolah

II. Maklumat Bapa, Ibu dan Penjaga

Perkara yang terkandung dalam bahagian ini ialah tahap pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa, dan pendapatan ibu bapa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 Prosedur Kajian

Bagi memperoleh data tentang ayat majmuk yang dikan oleh pelajar, beberapa langkah telah diambil oleh penyelidik. Langkah-langkah tersebut ialah:

1. Menyatakan masalah yang ingin dikaji dengan tepat, mengenal pasti dan menentukan objektif yang hendak dicapai,
2. Menentukan populasi dan subjek kajian agar dapatan kajian ini benar-benar boleh mewakili keadaan yang sebenar. Dalam hal ini kaedah persampelan rawak mudah digunakan,
3. Menentukan alat kajian bagi mengumpulkan maklumat,
4. Mengumpul maklumat yang berkaitan dengan bahan kajian,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Mengumpul data. Data dikumpulkan berdasarkan semakan terhadap kekerapan penggunaan, kekerapan kesilapan dan tahap karangan berdasarkan skala, .
6. Memperoses dan menganalisis data. Data diproses bagi mencari peratus dan purata, dan
7. Melaporkan dapatan. Dapatan yang telah dianalisis dilaporkan di dalam Bab IV dan V.

Kebenaran menjalankan kajian ini diperoleh daripada pihak sekolah yang menjadi subjek kajian melalui Pengarah Pusat Pengajian Pasca Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan.


Di samping itu, penyelidik telah mendapat kerja sama yang padu dari Pengetua, Penolong Kanan, Penolong HEM, guru-guru yang mengajarkan bahasa Melayu Tingkatan Enam Rendah sekolah ini dan pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini.

Setelah mendapat persetujuan pihak yang terlibat, pengkaji berjumpa dengan guru yang mengajarkan Bahasa Melayu Kertas II Tingkatan 6RO dan 6RY dan mengumpulkan semua karangan pelajar yang dikan oleh pelajar kelas tersebut semasa mereka menduduki Peperiksaan Akhir Tahun. Semua karangan pelajar ini difotostat dan selepas itu dikembalikan kepada pelajar.

Bagi menjalankan soal selidik, sekali lagi pengkaji meminta bantuan guru kelas 6RO dan 6RY untuk menjalankannya. Sebelum soal selidik dijalankan, guru-guru yang menjalankan soal selidik tersebut telah ditaklimatkan terlebih dahulu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh pengkaji. Setelah soal selidik maklumat pelajar siap diisi oleh pelajar, soal selidik tersebut dikumpul dan dianalisis. Kesimpulannya, bagi melaksanakan kajian ini, langkah-langkah yang terdapat dalam Rajah 1 telah digunakan. Rajah ini ialah:



Rajah 1

Jadual Pelaksanaan Kajian Penggunaan Ayat Majmuk di Kalangan Pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 Langkah-langkah Pengumpulan Kekerapan Ayat Majmuk

Bahagian ini menghuraikan langkah-langkah yang digunakan bagi mengumpul kekerapan penggunaan dan kesalahan ayat majmuk yang dikan oleh pelajar dalam penulisan karangan meraka.

4.6.1 Langkah-langkah Pengumpulan Kekerapan Penggunaan

Setelah semua penulisan karangan pelajar dipungut dan difotostat, ayat-ayat tunggal dan ayat-ayat majmuk yang terdapat di dalam teks tersebut diasingkan. Ayat tunggal (ayat selapis) diabaikan pengunaannya, manakala ayat majmuk diambil dan disalin semula dan dijadikan bahan kajian (Lampiran C). Contoh kerja-kerja pengasingan ayat tunggal dengan ayat majmuk adalah seperti berikut:

> *"Kedatangan tenaga buruh asing ke negara kita bukanlah merupakan satu fenomena baru kerana masalah ini timbul sejak beberapa tahun yang lalu (Ayat Majmuk). Terdapat banyak tenaga buruh asing datang ke negara ini setiap tahun (Ayat Tunggal). Kebanyakan tenaga buruh asing yang datang ke sini berasal dari Indonesia, Filipina, Bangladesh, India dan beberapa buah negara lagi (Ayat majmuk).*
>
> (Lampiran C, sampel 25)

Dalam contoh di atas, terdapat dua ayat majmuk dan satu ayat tunggal. Ayat majmuk ini akan disalin semula dan disusun mengikut kedudukan di dalam teks (seperti dalam Lampiran C). Ayat-ayat majmuk tersebut disusun seperti berikut:

1. "Kedatangan tenaga buruh asing ke negara kita bukanlah merupakan satu fenomena baru kerana masalah ini timbul sejak beberapa tahun yang lalu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Kebanyakan tenaga buruh asing yang datang ke sini berasal dari Indonesia, Filipina, Bangladesh, India dan beberapa buah negara lagi.

(Lampiran C, Sampel 25)

Seterusnya, semua ayat majmuk tersebut disalin semula dan dikelaskan mengikut jenis yang ditetapkan. Contoh pengkelasan ayat majmuk tersebut adalah seperti berikut:

1. Kebanyakan majikan hanya memberi pendapatan bulanan sekadar *untuk* keperluan buruh itu seharian (AMP keterangan).

(Lampiran C, Sampel 21: Ayat 11)

2. Masalah itu adalah wujudnya pengaliran wang ke luar negara *apabila* pendapatan mereka ditukar dengan mata wang asal negara mereka (AMP Keterangan).

(Lampiran C, Sampel 21: ayat 16)

3. Kemerosotan kualiti remaja *bukan* sahaja dilihat dari segi pencapaian akademik *malah* melalui tingkah laku mereka (AM Gabungan).

(Lampiran C, Sampel 7: ayat 2)

Seterusnya, semua data yang dikelaskan di atas diasingkan mengikut jenisnya dan dimasukkan ke dalam Jadual Kekerapan Penggunaan Ayat Majmuk (Lampiran D). Kekerapan penggunaan ayat majmuk dianalisis berdasarkan kekerapan penggunaan setiap jenis ayat dan purata penggunaan berdasarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Lampiran C, Sampel 22: ayat 16)

Kesalahan ayat ini ialah kesalahan menggunakan kata hubung *dengan.* Kata hubung sepatutnya ialah *serta*. Oleh itu jenis kesalahan ayat majmuk ini ialah kesalahan kerana menggunakan kata hubung gabungan yang salah, iaitu S6.

2. "Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas iaitu terjadinya budaya baru yang kurang baik seperti pemakaian pakaian dan tingkah laku yang terikut-ikut oleh rakyat tempatan.

(Lampiran C, Sampel 22: ayat 24)

Kesalahan ayat ini pula ialah ayatnya berbelit-belit. Jenis kesalahan ayat ini pula ialah kesalahan ayat majmuk campuran atau S16. Selain itu, kategori kesalahan juga dibuat berdasarkan jenis kesalahan yang paling ketara dalam sesuatu ayat, contohnya:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. "Melalui kenalan baru juga, dapat memberi keputusan kepada mereka *sekiranya* (mereka) ada masalah dan cerita yang boleh dikongsi bersama."

(Lampiran C, Sampel 24: ayat 47)

Walaupun ayat ini merupakan ayat majmuk campuran, tetapi jenis kesalahan ayat ini ialah kesalahan penggunaan frasa keterangan *sekiranya ada masalah*. Frasa ini sepatutnya *sekiranya mereka ada masalah.* Oleh itu, jenis kesalahan ayat ini ialah kesalahan ayat majmuk keterangan syarat atau S15.

4. "Keadaan ini turut menjejaskan sumber ekonomi rakyat tempatan *kerana* sukar *untuk* mendapat pekerjaan.

(Lampiran C, Sampel 25: ayat 15)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun ayat 4 ini mempunyai dua kata hubung, iaitu kata hubung keterangan (*kerana*) dan komplemen (*untuk*), tetapi kesalahan ayat ini kesalahan struktur ayat majmuk keterangan sebab atau S15. Ayat ini sepatutnya:

4a. "Keadaan ini turut menjejaskan sumber ekonomi rakyat tempatan *kerana mereka sukar* mendapat pekerjaan." atau

4b. "Keadaan ini turut menjejaskan sumber ekonomi rakyat tempatan *kerana* pekerjaan sukar diperoleh."

5. "Dengan adanya ubatan *yang* tanpa kawalan, kes-kes pesakit yang kurang serius dikatakan serius juga mungkin akan timbul."

(Lampiran C, Sampel 37: ayat 16)

Kesalahan ayat ini ialah kesalahan susunan unsur ayat majmuk relatif atau S8. Ayat ini sepatutnya:

5a. "Pengambilan ubatan tanpa kawalan boleh menyebabkan penyakit yang tidak serius menjadi serius."

Kesimpulannya, setiap kesalahan ayat majmuk dikenal pasti jenisnya dan dianalisis kekerapan kesalahannya.

4.7 Langkah-langkah Analisis Kesalahan Ayat

Menurut Corder (1974), analisis kesalahan (AK) bahasa boleh dilakukan berdasarkan langkah-langkah berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Mengumpul sampel.

ii. Mengidentifikasi kesalahan.

iii. Menjelaskan kesalahan.

iv. Mengklasifikasi kesalahan.

v. Menilai kesalahan atau menilai keseriusan kesalahan

Namun demikian, menurut Ellis (1994: 48), langkah v sering tidak dimasukkan dalam kebanyakan kajian pengkaji AK. Di samping itu, perincian langkah-langkah menjalankan AK saranan Corder adalah seperti berikut:

I. Mengenal pasti Sampel

Dalam hal ini, Ellis (1994: 49), menjelaskan bahawa sampel yang berbeza melakukan kesalahan yang berbeza. Misalnya, pelajar yang melakukan kesalahan bahasa dalam penulisan belum tentu ia akan melakukan kesalahan dalam pertuturan. Selain itu, bilangan sampel juga perlu diambil kira. Kesimpulannya, proses pengenalpastian sampel perlu mengambil kira faktor-faktor berikut:

a. Bahasa

i. Bentuk bahasa yang dikaji: Sama ada bahasa tulisan atau lisan

ii. Sumber bahasa: Sama ada surat, karangan, perbualan, syarahan dan sebagainya

iii. Kandungan bahasa: Topik atau isi kandungan sesuatu kemahiran bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Pelajar

i. Tahap pelajar: Rendah, sederhana, atas atau lanjutan

ii. Bahasa ibunda: Sama ada pelajar BI atau B2

iii. Pengalaman pelajar memperoleh bahasa yang dikaji: Pembelajaran secara formal atau secara semula jadi.

II. Mengenal pasti Kesalahan

Menurut Ellis (1994: 51), terdapat beberapa pertimbangan perlu diberi perhatian dalam mengenal pasti kesalahan bahasa. Antara pertimbangan tersebut ialah:

a. Apakah ukuran yang digunakan bagi mengenal pasti kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar?

Pengkaji hendaklah menetapkan apakah ukuran bagi mengenal pasti kesalahan bahasa, sama ada bahasa standard (formal) atau bahasa harian (dialek).

b. Membezakan antara Kesalahan dan Kesilapan.

Hal ini demikian kerana menurut Corder (1967), kesalahan dan kesilapan merupakan 2 aspek yang berbeza, iaitu kesalahan selalunya berkait dengan perfoman dan menjadi dasar AK. Kesilapan pula berkait dengan kompeten dan melibatkan penutur jati (B1). Menurutnya lagi, dalam AK, aspek yang perlu dikaji ialah kesalahan dan bukannya kesilapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Mengenal pasti Jenis Kesalahan yang Akan Dikaji

Jenis kesalahan bermaksud sama ada kesalahan tersebut kesalahan umum atau yang khusus, yang sukar atau yang mudah. Setiap kesalahan bahasa hendaklah dikelaskan jenis kesalahannya.

III. Menghuraikan Kesalahan

Bagi menghuraikan kesalahan bahasa, Burt (1977), Ramirez (1973) dan Richards (1971), menjelaskan terdapat beberapa kaedah boleh digunakan. Burt (1977), menjelaskan bahawa setiap kesalahan bahasa boleh dipecahkan kepada kategori kesalahan seperti kesalahan klausa, ayat pasif dan sebagainya. Ramirez (1973) pula menjelaskan bahawa kesalahan bahasa boleh dihuraikan dengan memecahkannya kepada aspek linguistik seperti morfologi, sintaksis dan kosa kata. Selain itu, Richards (1971), menyarankan agar AK dilakukan terhadap penutur yang datang daripada latar belakang bahasa yang berbeza, misalnya Jepun, China, Myanmar dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

IV. Menjelaskan Punca Kesalahan

Peringkat ini ialah peringkat menjelaskan sebab-sebab terjadinya kesalahan bahasa. Bagi menjelaskan punca kesalahan, Taylor (1986), membahagikannya kepada tiga faktor iaitu:

a. Faktor Psikologi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 33 (b)

Purata Kekerapan Kesalahan Golongan Utama Ayat Majmuk Berdasarkan Bahasa Pertuturan dengan Guru di Sekolah

Jenis Kesalahan Ayat Majmuk	Bahasa Baku (N=41)	Bahasa Dialek (N=27)	Bahasa Ibunda (N=2)
	Kekerapan (Purata)		
Ayat majmuk gabungan	49 (1.20)	36(1.33)	9(4.5)
Ayat majmuk pancangan	121(2.95)	92(3.41)	12(6.0)
Ayat majmuk campuran	233(5.68)	168(6.22)	12(6.0)
Jumlah	403(9.83)	296(10.96)	33(16.5)

Jadual 33 (b) menunjukkan bahawa pelajar BI lebih kerap melakukan kesalahan ayat majmuk gabungan, iaitu pada purata 4.5 ayat berbanding dengan purata 1.33 ayat dan 1.20 ayat yang dilakukan oleh pelajar BD dan BI. Selain itu, pelajar BI juga lebih kerap melakukan kesalahan ayat majmuk pancangan berbanding dengan pelajar BD dan BB, iaitu pada purata 6.0 ayat berbanding dengan purata 3.41 ayat dan 2.5 ayat yang dilakukan oleh pelajar BD dan BB. Namun demikian, pelajar BD paling kerap melakukan kesalahan ayat majmuk campuran berbanding dengan pelajar BB dan BI, iaitu pada purata 6.22 ayat berbanding dengan 5.68 ayat dan 6.0 ayat.

Secara bandingan, kesemua kumpulan pelajar melakukan kesalahan AMC lebih kerap berbanding dengan ayat majmuk yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Tahap Penulisan Karangan Pelajar Berdasarkan Bilangan Kesalahan Ayat Majmuk Aktif

Soalan 8: Apakah tahap penulisan pelajar berdasarkan bilangan kesalahan ayat majmuk?

Bahagian ini menganalisis tahap karangan pelajar berdasarkan bilangan kesalahan ayat majmuk aktif yang dilakukan oleh pelajar. Tahap karangan pelajar digredkan berdasarkan skala yang telah diperkenalkan oleh Heaton (1979: 137). Berdasarkan skala ini, karangan pelajar digredkan berdasarkan skor berikut:

5. Karangan yang sangat baik tahapnya,
4. Karangan yang baik tahapnya ,
3. Karangan yang sederhana tahapnya,
2. Karangan yang lemah tahapnya,
1. Karangan yang sangat lemah tahapnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, bagi menetapkan gred karangan pelajar, kriteria yang digunakan ialah seperti yang telah dinyatakan dalam Bab 4.9, iaitu bagi karangan yang mengandungi kurang daripada 3 kesalahan ayat majmuk, grednya ialah sangat baik. Seterusnya, bagi karangan yang mengandungi 3-6 kesalahan ayat majmuk, grednya ialah baik dan selanjutnya, sederhana (7-10 kesalahan), lemah (11-14 kesalahan) dan sangat lemah (melebihi 15 kesalahan).

Kesimpulannya, dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa daripada 70 buah karangan yang dihasilkan oleh pelajar, 52.86% berada dalam kategori lemah. Ini bermakna, lebih separuh daripada pelajar tingkatan enam rendah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekolah ini melakukan kesalahan ayat majmuk lebih daripada 11 kesalahan bagi setiap karangan yang panjangnya lebih kurang 700 patah perkataan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa hanya 25.71% atau 18 buah karangan sahaja yang berada dalam kategori baik, iaitu yang mengandungi kurang daripada 7 kesalahan ayat majmuk. Perincian dapatan ini ditunjukkan dalam Jadual 34.

Jadual 34

Taburan Tahap Karangan Pelajar Berdasarkan Bilangan Kesalahan Ayat Majmuk

Tahap Karangan	Kekerapan	Peratus
Sangat Baik	5	1.43
Baik	13	18.57
Sederhana	19	27.14
Lemah	26	37.14
Sangat Lemah	11	15.71
Jumlah	70	100.00

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB VI

RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1 Pendahuluan

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk melihat kemampuan pelajar tingkatan enam rendah menggunakan ayat majmuk dalam penulisan karangan mereka. Tujuan lain kajian ini pula adalah untuk melihat tahap penggunaan ayat majmuk di kalangan pelajar berdasarkan jenisnya. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat tahap pengunaan ayat majmuk berdasarkan kaum, jantina, taraf sosioekonomi, pencapaian Bahasa Melayu peringkat SPM dan bahasa pertuturan. Seterusnya, kajian ini turut memaparkan contoh-contoh ayat majmuk, sama ada yang gramatis atau tidak, digunakan oleh pelajar. Dalam bab ini, hasil kajian yang dikemukakan dalam bab empat akan dibincangkan. Ini diikuti dengan penjelasan tentang implikasi kajian terhadap pelajar, guru dan kurikulum. Beberapa cadangan untuk kajian akan datang juga dikemukakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.2 Ringkasan Dapatan

Dapatan kajian dinyatakan dalam bentuk jadual yang diperoleh daripada analisis yang dibuat melalui peratus, kekerapan dan purata (min). Ringkasan dapatan kajian tersebut dinyatakan seperti di bawah:

1. Sampel kajian terdiri daripada 70 orang pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum. Berdasarkan pencapaian gred Bahasa Melayu peringkat SPM, sebahagian besar daripada bilangan sampel memperoleh pencapaian yang sederhana, iaitu gred 3–6. Dari segi taraf sosioekonomi, rata-rata ibu bapa pelajar berpendapatan rendah. Malah, sebahagian daripada mereka hanya memiliki pendidikan rendah atau tidak bersekolah. Dari segi pekerjaan ibu bapa pelajar pula, sebahagian kecil sahaja yang menjawat jawatan yang tinggi.

2. Penggunaan ayat majmuk dalam hasil penulisan karangan pelajar lebih tinggi berbanding dengan kadar ayat tunggal, manakala ayat majmuk campuran merupakan ayat majmuk yang paling kerap digunakan oleh pelajar berbanding dengan ayat majmuk jenis lain.

3. Daripada 23 jenis ayat majmuk, ayat majmuk gabungan berurutan fakta (A1) bagi ayat majmuk gabungan, ayat relatif subjek (A4) (AMP) dan ayat majmuk campuran pelbagai jenis ayat majmuk (A23) (AMC) merupakan ayat yang tinggi penggunaannya berbanding dengan ayat jenis yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Dari segi kaum, pelajar Cina lebih kerap menggunaan ayat majmuk aktif, manakala pelajar bukan Melayu pula lebih kerap menggunakan ayat majmuk berbanding dengan pelajar Melayu.

5. Dari segi jantina pelajar perempuan lebih kerap menggunakan ayat majmuk berbanding dengan pelajar lelaki. Namun demikian, pelajar lelaki lebih kerap menggunakan ayat majmuk gabungan.

6. Pelajar yang berpencapaian sederhana rendah (gred 5-6) dalam Kertas Bahasa Melayu peringkat SPM menggunakan ayat majmuk lebih kerap berbanding dengan kumpulan sederhana tinggi (gred 3-4) dan cemerlang (gred 1-2). Namun demikian, pelajar kumpulan cemerlang lebih kerap menggunakan ayat majmuk campuran berbanding dengan kumpulan lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7. Dari segi ekonomi, pelajar yang datang daripada ibu bapa yang berpendidikan tinggi lebih kerap mengunakan ayat majmuk berbanding dengan kumpulan lain, manakala pelajar yang datang daripada ibu bapa yang berpendapatan sederhana tinggi lebih kerap mengunakan ayat majmuk berbanding dengan kumpulan lain. Namun demikian, pelajar kumpulan pendapatan rendah lebih kerap menggunakan ayat majmuk campuran berbanding dengan kumpulan lain. Di samping itu, pelajar yang datang daripada ibu bapa yang bekerja sendiri lebih kerap menggunakan ayat majmuk berbanding dengan kumpulan lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

8. Pelajar yang bertutur dalam bahasa ibunda sama ada dengan ahli keluarga semasa di rumah atau dengan guru semasa di sekolah lebih kerap mengunakan ayat majmuk berbanding dengan kumpulan lain.

9. Kesalahan ayat majmuk aktif yang paling kerap dilakukan oleh pelajar ialah kesalahan ayat majmuk campuran (S16 & S17). Daripada 94 kesalahan ayat majmuk gabungan, kesalahan kerana menggunakan kata hubung yang salah (S6) merupakan kesalahan yang paling kerap dilakukan dan daripada 225 kesalahan ayat majmuk pancangan, kesalahan struktur ayat majmuk pancangan (S15) merupakan kesalahan yang paling kerap dilakukan oleh pelajar. Daripada 413 kesalahan ayat majmuk campuran pula, kesalahan kerana ayat berbelit-belit (S16) merupakan kesalahan yang paling kerap dilakukan oleh pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

10. Purata kesalahan ayat majmuk aktif di kalangan pelajar Cina lebih tinggi berbanding dengan pelajar kumpulan lain. Secara bandingan, purata kesalahan ayat majmuk aktif yang dilakukan oleh pelajar bukan Melayu lebih tinggi berbanding dengan pelajar Melayu. Namun demikian, purata pelajar Melayu melakukan kesalahan ayat majmuk campuran lebih tinggi berbanding pelajar kumpulan lain.

11. Pelajar perempuan melakukan kesalahan ayat majmuk lebih kerap berbanding dengan pelajar lelaki.

12. Pelajar yang berpencapaian sederhana tinggi (gred 3-4) Kertas Bahasa Melayu dalam Peperiksaan SPM melakukan kesalahan ayat majmuk aktif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih tinggi berbanding dengan kumpulan pelajar yang lain. Namun demikian, pelajar yang berpencapaian cemerlang melakukan kesalahan ayat majmuk campuran lebih kerap berbanding dengan pelajar kumpulan lain.

13. Pelajar yang datang daripada keluarga yang berpendidikan rendah lebih kerap melakukan kesalahan ayat majmuk berbanding dengan kumpulan lain dan pelajar yang datang daripada ibu bapa yang bekerja sendiri lebih kerap melakukan kesalahan ayat majmuk berbanding dengan kumpulan lain.

14. Pelajar yang datang daripada ibu bapa yang berpendapatan rendah lebih kerap melakukan kesalahan ayat majmuk. Manakala pelajar kumpulan berpendapatan tinggi melakukan kesalahan ayat majmuk yang paling kurang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

15. Pelajar yang bertutur dalam bahasa baku dengan ahli keluarga semasa di rumah lebih kerap melakukan kesalahan ayat majmuk berbanding dengan kumpulan lain, manakala pelajar yang bertutur dalam bahasa ibunda dengan guru semasa di sekolah lebih kerap melakukan kesalahan ayat majmuk berbanding dengan kumpulan lain.

16 52.86% daripada keseluruhan karangan pelajar tergolong dalam kategori lemah, iaitu karangan yang mengandungi lebih daripada 11 kesalahan ayat majmuk aktif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3 Perbincangan Dapatan

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian kekerapan penggunaan dan kesalahan ayat majmuk yang dihasilkan oleh pelajar dalam penulisan karangan mereka. Bahagian ini juga akan mengutarakan contoh-contoh ayat majmuk yang digunakan oleh pelajar berdasarkan jenis ayat majmuk yang dikaji. Di samping itu, bahagian ini juga akan membincangkan kekerapan kesalahan ayat majmuk yang dilakukan oleh pelajar beserta contoh-contoh kesalahan yang dilakukn oleh mereka. Selain itu, bahagian ini turut meninjau pemboleh-pemboleh ubah yang menyebabkan berlakunya kesalahan ayat majmuk di kalangan pelajar.

6.3.1 Kekerapan Penggunaan Ayat Majmuk

Dari aspek pengunaan ayat majmuk, dapatan kajian menunjukkan bahawa ayat majmuk digunakan dengan kerap dalam penulisan karangan pelajar tingkatan enam. Hal ini kerana ayat majmuk lebih sesuai digunakan pada peringkat tinggi bagi menjelaskan konsep-konsep penting dengan tepat sebagaimana dijelaskan oleh Asmah Hj. Omar (1978).

Jika ditinjau dari segi penggunaan tiga (3) jenis utama ayat majmuk pula, iaitu ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran, didapati bahawa ayat majmuk campuran merupakan ayat majmuk yang paling kerap digunakan berbanding dengan ayat majmuk yang lain.

Selain itu, jika ditinjau kekerapan penggunaan ayat majmuk berdasarkan jenisnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa ayat majmuk berurutan fakta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(kelompok ayat majmuk gabungan), ayat majmuk pancangan relatif subjek (kelompok ayat majmuk pancangan) lebih kerap digunakan.

Dapatan kajian ini juga turut mendapati bahawa pelajar Cina dan pelajar bukan Melayu lebih kerap menggunakan ayat majmuk berbanding dengan kaum lain. Ini menunjukkan bahawa pelajar bukan Melayu brupaya membina ayat majmuk berbanding dengan pelajar Melayu.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih kerap menggunakan ayat majmuk. Ditinjau dari segi kekerapan penggunaan ayat majmuk gabungan, kajian ini mendapati pelajar lelaki kerap menggunakan ayat majmuk gabungan. Keadaan ini memperlihatkan bahawa kemampuan pelajar lelaki dan perempuan dalam menggunakan ayat majmuk berlainan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Purata penggunaan ayat majmuk dari aspek pencapaian Bahasa Melayu peringkat SPM menunjukkan bahawa pelajar berpencapaian sederhana lebih kerap menggunakan ayat majmuk. Manakala pelajar berpencapaian tinggi lebih kerap menggunakan ayat majmuk campuran. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang mendapat pencapaian yang baik dalam Kertas Bahasa Melayu berupaya menghasilkan ayat yang panjang dan kompleks. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Raminah Hj. Sabran (1983), yang menyatakan bahawa pencapaian akademik yang tinggi membolehkan pelajar menggunakan ayat yang panjang dan gramatis. Malah, dalam kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar yang datang daripada ibu bapa yang berpendidikan tinggi lebih kerap menghasilkan ayat majmuk dalam penulisan karangan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika ditinjau dari aspek kekekerapan pelajar menggunakan ayat majmuk berdasarkan latar belakang ekonomi, iaitu pendapatan dan taraf pekerjaan ibu bapa, didapati pelajar yang mempunyai kedudukan ekonomi yang tinggi lebih kerap menggunakan ayat majmuk.

Pelajar yang bertutur dalam bahasa ibunda, sama ada semasa mereka di sekolah atau di rumah pula lebih kerap menggunakan ayat majmuk berbanding dengan kumpulan yang lain. Ini memperlihatkan bahawa kekerapan pelajar yang berbahasa baku dalam menggunakan ayat majmuk lebih rendah daripada kumpulan yang berbahasa ibunda.

6.3.2 Kekerapan Kesalahan Ayat Majmuk

Dari aspek kesalahan ayat majmuk pula, kajian ini mendapati bahawa kesalahan ayat majmuk campuran merupakan jenis ayat kesalahan yang paling menonjol. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kesalahan kerana menggunakan kata hubung yang salah bagi ayat majmuk gabungan, kesalahan struktur ayat pancangan dan ayat yang berbeli-belit merupakan tiga jenis kesalahan utama yang dilakukan oleh pelajar dalam karangan mereka.

6.3.3 Kekerapan Kesalahan dan Kaitannya dengan Pemboleh-pemboleh ubah

Kajian ini juga mendapati bahawa pelajar bukan Melayu, iaitu pelajar Cina dan India lebih kerap melakukan kesalahan ayat majmuk berbanding kaum lain. Hal ini ada kaitannya dengan kekerapan pelajar bukan Melayu menggunakan ayat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

majmuk. Keadaan ini menunjukkan bahawa lebih kerap seseorang pelajar itu menggunakan ayat majmuk, lebih kerap mereka melakukan kesalahan. Dari segi jantina pula, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan melakukan kesalahan ayat lebih kerap berbanding dengan pelajar lelaki. Ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan menengah atas (Tingkatan Enam Rendah) kurang berkebolehan menggunakan ayat majmuk berbanding dengan pelajar perempuan menengah rendah.

Kajian ini juga mendapati, pelajar berpencapaian sederhana lebih kerap melakukan kesalahan ayat majmuk berbanding dengan pelajar berpencapaian tinggi. Ini bermakna, pelajar yang tinggi penguasaan bahasanya melakukan kekerapan kesalahan yang kurang.

Dari segi sosioekonomi pula, pelajar yang datang daripada keluarga yang berpendidikan, berpendapatan dan taraf pekerjaan yang rendah melakukan kesalahan ayat majmuk yang lebih kerap berbanding dengan pelajar kumpulan lain.

Kajian ini juga mendapati bahawa pelajar yang bertutur bahasa ibunda semasa di sekolah melakukan kesalahan ayat majmuk yang lebih kerap. Ini bermakna bahasa pertuturan mempengaruhi kekerapan pelajar melakukan kesalahan ayat majmuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3.4 Tahap Karangan Pelajar

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa tahap karangan pelajar masih lemah. Sebahagian daripada karangan pelajar berada pada tahap lemah. Keadaan ini memperlihatkan bahawa kekerapan pelajar menggunakan ayat majmuk campuran mempengaruhi tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam hasil penulisan karangan mereka.

6.3.5 Kemampuan Pelajar Menggunakan Ayat Majmuk

Berdasarkan pengamatan pengkaji terhadap ayat majmuk yang dihasilkan oleh pelajar, didapati pelajar mampu menggunakan ayat-ayat tersebut, walaupun terdapat ayat-ayat majmuk yang tidak gramatis. Berikut ialah contoh AMG berurutan fakta (A1) yang dihasilkan oleh pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Kini, golongan-golongan intelektual *dan* bersahsiah bertaburan di pusat-pusat bandar.

(Lampiran C, Sampel 1: ayat 3)

Selain itu, pelajar juga mampu menggunakan ayat majmuk gabungan yang lain dengan baik. Contohnya:

2. Masa tidak menunggu *sebaliknya*, masa harus dikejar (AMG bertentangan fakta).

(Lampiran C, Sampel 5: ayat 23)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Ini bukan sahaja menjaga makan *dan* minum mereka *tetapi* sebagai membalas jasa baik mereka menjaga *dan* membesarkan kita (AMG Campuran kedua-dua jenis kata hubung).

(Lampiran C, Sampel 1: ayat 7).

Namun demikian, terdapat juga kesalahan dalam penggunaan AMG. Misalnya:

4. Ini dapat meningkatkan pendapatan negara kita *dan* taraf hidup penduduk juga meningkat.

(Lampiran C, Sampel 61: ayat 11).

Ayat 4 di atas sepatutnya:

4a. Ini dapat meningkatkan pendapatan negara *dan* taraf hidup penduduk negara kita.

Dalam penggunaan ayat majmuk relatif, didapati pelajar mampu menggunakan ketiga-tiga jenis ayat tersebut dengan baik. Contoh ayat majmuk relatif yang digunakan oleh pelajar ialah:

5. Keadaan ini berbeza dengan hospital kerajaan *yang* hanya dibuka pada waktu pejabat sahaja (Ayat Relatif Predikat).

(Lampiran C, Sampel 12: ayat 19)

Malah, pelajar juga dapat menggunakan ayat majmuk relatif yang dipasifkan dan dipancang kepada ayat induk.Contohnya ialah:

6. Masalah rumah setinggan juga merupakan masalah serius *yang ditimbulkan* oleh mereka.

(Lampiran C, Sampel 15 : ayat 20)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ayat 7 pula ialah contoh kesalahan ayat majmuk relatif yang sering dilakukan oleh dilakukan oleh pelajar, iaitu kesalahan meninggalkan penanda *yang* dalam ayat majmuk yang dihasilkan. Contohnya ialah:

7. Kasih sayang ditunjukkan para pekerja di rumah kebajikan ini dapat mengelakkan diri mereka daripada merasa sunyi.

(Lampiran C, Sampel 5: Ayat 17)

Ayat 7 di atas sepatutnya ialah:

7a. Kasih sayang *yang* ditunjukkan para pekerja di rumah kebajikan ini dapat mengelakkan diri mereka daripada merasa sunyi.

Jika ditinjau penggunaan ayat majmuk komplemen, didapati semua jenis ayat majmuk tersebut mampu digunakan oleh pelajar, walaupun terdapat beberapa kesalahan. Contoh ayat-ayatnya ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

8. Mereka harus merasakan *bahawa* diri mereka masih lagi bebas melakukan kerja-kerja seperti biasa (Ayat Komplemen Objek Tepat).

(Lampiran C, Sampel 6: ayat 20)

9. Mereka tidak sedar (*bahawa) yang* pakaian mereka akan membinasakan diri mereka (Ayat Komplemen Objek Tepat).

(Lampiran C, Sampel 3: ayat 21)

Ayat 9 tidak gramatis kerana penanda relatif *yang* digunakan, sedangkan kata hubung yang sepatutnya dalam ayat ini ialah *bahawa*. Di samping itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar juga dapat menggunakan pelbagai bentuk ayat majmuk keterangan. Misalnya:

10. *Walaupun* baru dibuka, rumah kebajikan ini dibuka (Ayat Keterangan Pertentangan).

(Lampiran C, Sampel 36: ayat20)

11. *Apabila* berlaku pertukaran wang asing, negara kita akan mendapat keuntungan daripadanya, iaitu melalui Bank Negara (Ayat Keterangan Waktu).

(Lampiran C, Sampel 40: ayat11)

Namun demikian, kesalahan yang ketara dalam penggunaan ayat majmuk keterangan di kalangan pelajar-pelajar ini ialah kesalahan penggunaan kata hubung sebagai penanda keterangan. Misalnya:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

12. Masalah ini dapat diatasi dengan adanya pusat rawatan swasta *di mana* kita tidak perlu menunggu terlalu lama *kerana* sering mempunyai ramai doktor.

(Lampiran C, Sampel 12: ayat 11)

Ayat sepatutnya ialah:

12b. Dengan adanya pusat rawatan swasta, masalah ini dapat diatasi kerana kita tidak perlu menunggu terlalu lama disebabkan pusat ini mempunyai ramai doktor.

Jika ditinjau dari segi penggunaan ayat majmuk campuran pula, pelajar Tngkatan Enam Rendah ini mampu menggunakan ayat majmuk campuran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan baik, malah ada di antara mereka yang mampu membina ayat majmuk campurang yang terdiri daripada empat (4) atau lima (5) ayat. Contohnya ialah:

13. *Sekiranya* dilihat dari sudut *yang* lain, buruh asing ini turut menyumbang kepada masalah (menyebabkan masalah) ketidaksanggupan rakyat tempatan *untuk* melakukan sesuatu pekerjaan *yang* dianggapnya tidak sesuai *dan* tidak menepati citarasa pendudukan tempatan.

(Lampiran C, Sampel 22: ayat 11)

Dalam menggunakan ayat majmuk, dua (2) kesalahan yang utama dilakukan oleh pelajar kesalahan kerana ayat yang berbelit-belit dan ayat yang terlalu panjang. Contoh-contoh kesalahan tersebut ialah:

14. Memang benar, di rumah-rumah kebajikan yang didirikan ini, segala kemudahan dan pelatih-pelatih yang terlatih untuk menjaga warga tua ini disediakan (Ayat yang berbelit-belit).

(Lampiran C, Sampel 2: ayat 13).

15. Golongan tua harus mendapat layanan yang sempurna, oleh itu dengan kewujudan rumah kebajikan ini dapat mengatasi masalah mereka sekiranya mereka tidak lagi dipedulikan oleh anak-anak mereka.

(Lampiran C, Sampel 5: ayat 27)

Ayat-ayat 14 dan 15 sepatutnya:

14a.. Memang benar, segala kemudahan yang mencukupi dan pekerja yang terlatih disediakan di rumah-rumah kebajikan bagi menjaga warga tua ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

15b. Golongan tua harus mendapat layanan yang sempuma. Oleh itu, kewujudan rumah kebajikan ini dapat mengatasi masalah mereka sekiranya mereka tidak lagi dipedulikan oleh anak-anak mereka.

Daripada contoh-contoh di atas, jelas bahawa pelajar Tingkatan Enam Rendah mampu menggunakan ayat majmuk dengan baik, walaupun masih terdapat beberapa kesalahan yang agak serius.

6.4 Rumusan Kajian

Kajian tentang penggunaan dan kesalahan ayat majmuk di kalangan pelajar Tingkatan Enam Rendah dalam hasil penulisan karangan dapat mengenal pasti sejauh mana pelajar peringkat ini berupaya menggunakan ayat majmuk. Aspek yang dikaji dalam kajian ini ialah kekerapan pelajar menggunakan dan melakukan kesalahan pelbagai jenis ayat majmuk. Kajian ini juga cuba meninjau kadar kekerapan penggunaan dan kesalahan ayat majmuk yang dilakukan oleh pelajar berdasarkan latar belakang mereka.

Keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar Tingkatan Enam Rendah lebih kerap menggunakan ayat majmuk. Namun demikian, mereka juga kerap melakukan kesalahan ayat majmuk. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa latar belakang yang berbeza memperlihatkan kadar penggunaan dan kesalahan yang berbeza. Dapatan kajian ini boleh dijadikan asas kepada kajian selanjutnya dan juga boleh dijadikan panduan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada para pengajar Bahasa Melayu, sama ada di sekolah atau institusi pengajian tinggi.

6.5 Implikasi Kajian kepada Guru dan Pelajar

Kajian ini memberi implikasi kepada guru Bahasa Melayu, khususnya dari aspek pedagogi yang meliputi pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran, pemilihan, penyesuaian dan penggunaan bahan pengajaran. Kajian ini juga memberi implikasi kepada guru Bahasa Melayu tentang tahap penguasaan ayat majmuk di kalangan pelajar dalam penulisan karangan.

Dari aspek pedagogi, guru bahasa Melayu boleh merancang dan mereka bentuk kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis yang sesuai dengan tahap penguasaan ayat majmuk di kalangan pelajar. Hal ini penting kerana kesalahan ayat majmuk yang kerap menyebabkan markah pelajar dalam kertas Bahasa Melayu 2 akan merosot. Selain itu, guru juga hendaklah menitikberatkan aspek bahasa, khususnya kemahiran menggunakan ayat majmuk kerana berdasarkan dapatan kajian, pelajar yang kerap menggunakan ayat majmuk juga melakukan kesalahan. Oleh itu, dalam mengajarkan kemahiran menulis karangan kepada pelajar, guru tidak boleh menitikberatkan aspek isi semata-mata.

Perkara kedua yang perlu diambil kira oleh guru ialah aspek penguasaan ayat majmuk dalam penulisan karangan pelajar. Aspek ini penting kerana kelemahan menguasai aspek ini akan menyebabkan tahap karangan pelajar akan lemah, seterusnya menyebabkan prestasi kertas Bahasa Melayu 2 para

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar akan menurun. Oleh itu, pengajaran ayat majmuk dalam penulisan karangan hendaklah terancang. Para guru Bahasa Melayu juga hendaklah membetulkan sebarang kesalahan ayat majmuk yang dilakukan oleh pelajar mereka sekerap mungkin agar kekerapan kesalahan ayat majmuk dapat diatasi. Selain itu, ketika mengajar kemahiran menulis karangan, guru hendaklah melatih pelajar menggunakan ayat majmuk campuran yang betul dan mengelakkan daripada menggunakan ayat majmuk yang panjang-panjang

Implikasi lain yang berkaitan dengan kajian ini yang melibatkan guru Bahasa Melayu ialah perlunya perubahan dalam kaedah pengjaran Bahasa Melayu di kalangan guru. Walaupun Majlis Peperiksaan Malaysia mengeluarkan sukatan pelajaran yang lengkap, namun kebanyakan guru kurang memahami kehendak sukatan pelajaran itu sendiri. Hal ini berlaku kerana terdapat guru yang mengajar tatabahasa secara berasingan dengan kemahiran menulis. Namun demikian, untuk menyalah para guru Bahasa Melayu semata-mata tentulah tidak adil kerana sukatan pelajaran Bahasa Melayu STPM memang mengasingkan kemahiran menulis karangan dengan kcekapan tatabahasa. Oleh itu, satu penilaian semula terhadap sukatan pelajaran Bahasa Melayu STPM hendaklah diadakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.6 Cadangan Penyelidikan Lanjutan

Dalam penyelidikan ini terdapat batasan tertentu yang perlu dilakukan. Oleh itu, di bawah ini dicadangkan beberapa bidang penyelidikan lanjutan yang boleh dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Kajian tentang kemampuan pelajar menggunakan ayat majmuk dalam kemahiran lisan.

2. Eksperimen yang membandingkan keberkesanan pendekatan pengajaran bahasa bersepadu, iaitu kaedah menggabungkan pengajaran kemahiran menulis dengan kecekapan ayat majmuk dengan pendekatan tradisional.

3. Kajian tentang kesan pendekatan guru dalam mengajarkan ayat majmuk dengan pencapaian pelajar menulis karangan.

4. Kajian tentang kemampuan pelajar menggunakan ayat majmuk bagi sampel yang lebih besar dan beragam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BIBLIOGRAFI

Abdul Aziz Abdul Talib 1990. "Karangan, Konsep isi, Paragraf dan Penyusunan". dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 33: 4 April. hal. 238–242.

Abdullah Hassan 1993a. *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

_____1993b. *Tatabahasa Pedagogi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

_____1996. *Menguji Kemahiran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

_____1997. *Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dan Esei-esei Lain*. Shah Alam: Fajar Bakti

Abdul Ghalib Yunus 1998. Kekeliruan Subjek dan Predikat. dlm.*Jurnal Dewan Bahasa*.42: 9 September. hal. 772-777.

Abdul Hamid Mahmood 1990. "Penguasaan Bahasa Malaysia di Kalangan Pelajar-pelajar." dlm *Jurnal Bahasa Melayu* 38: 4 April. hal. 243-252.

Abdul Jalil Othman 1997. *"Kesan Teknik Penggabungan Ayat Terhadap Pertautan dalam Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan 1"*. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.

_____2000. "Analisis Tautan Ayat Dari Segi Kohesi Nahuan, dan Leksikal dalam Penulisan Karangan". dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* . 44: 8 Ogos. hal. 826-849.

Abdullah Yusof 1999. *Analisis Ayat Majmuk Pancangan dalam Novel Ampangan*. Kertas Ilmiah Sarjana Bahasa Moden, Fakulti Bahasa Moden, Universiti Putra Malaysia.

Ab. Razak Ab. Karim 1995. "Novel Kemelut: Analisis Penggunaan Ayat". dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 39: 2 Februari. hal. 135–158

Ahmad Khair Mohd Nor 1997. *"Pengunaan Ayat Majmuk Gabungan di Kalangan Pelajar Tingkatan 4."* Latihan Ilmiah Bacelor Pendidikan, Fakulti Pengajian Penddidikan, UPM, Serdang, Selangor.

Ajid Che Kob 1989. "Pembetulan Kesalahan Bahasa: Antara Citarasa Guru dengan Kecenderungan Murid". dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 33: 9 September. hal: 605-610.

Anton M. Moeliono (pnyt.) 1988. *Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Arbak bin Othman 1985. *Belajar Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

_____1989. *Mengajar Tatabahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Arpan Shahbudin Latip 1998. *Bahasa Melayu: Kesilapan Tatabahasa Satu Analisis*. Shah Alam: Fajar Bakti.

Arockiamary a/p Savarimuthu 1992. *Ayat Majmuk dalam Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asiah Abu Samah 1977. *"A Study of Sociological Factors Affecting Language Development of Primary School Children."* Tesis M.Ed, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Asmah Hj. Omar 1973. *Bahasa Melayu Kini 3*. Kuala Lumpur: Federal Publication.

_____ 1978. *Bahasa Melayu Kini 5*. Kuala Lumpur: Federal Publication.

_____ 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asraf Abdul Wahab 1978. "Beberapa Prinsip Dasar untuk Tatabahasa Melayu (4): Penggolongan dan Penjenisan Ayat-ayat Bahasa Melayu." dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 22: 11 November. hal. 752-770

Atan Long 1980. *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Awang Mohd Amin 1982. *Satu Kajian Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia Peringkat Sekolah Menengah*. Tesis Master Sains, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia.

_____ 1990. *Satu Kajian Khusus Penguasaan Bahasa Malaysia Peringkat Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan 1984. *Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

_____1996. *Warna dan Suasana: Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Azman Wan Chik 1987. dlm. Yahya Othman. 1997. *Kesan Dua Pendekatan Mengajar Karangan Terhadap Markat Pencapaian Karangan Bentuk Imaginatif bagi Pelajar-pelajar Tingkatan Satu*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

_____ 1989. "Kesilapan Penggunaan Bahasa Malaysia oleh Murid-murid Melayu (satu kajian)." dlm Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim dan Mashudi Kader. *Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Cates, W. M. 1985. *A Practical Guide to Educations Research*. New Jersey: Prentice Hall Inc. Englewood Cliffs.

Cone, J. D. 1995. *Disertations and Theses: From Start to Finish*. Washington DC: American Psychological Association.

Corder, S. P. 1974. dlm. Alan, J dan Corder, S.P. (Pnyt.). *The Edinburgh Course in Applied Linguistik, Vol.3.* London: Oxford University Press.

_____1974, dlm. Ellis R. 1994. *The Study of Second Language Asquisition*. Oxford: Oxford University Press.

_____1977. *Introducing Applied Linguistik*. England: Penguin Books Ltd.

_____1981. *Error Analysis and Interlanguage*. London: Oxford University Press.

Dahnil Adnani 1985. *Kesalahan Ayat di dalam Penulisan Akademik*. dlm. Abdullah Hassan (penyunting). Kesalahan Umum Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Donald, R. B. *et al.* 1996. *Writing Clear Essays. (Third Edition)*. New Jersey: Prentice Hall

Evans. 1986. dlm. Abdul Jalil Othman 1997. *"Kesan Teknik Penggabungan Ayat Terhadap Pertautan dalam Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan 1"*. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya

Ellis, R. 1994. *The Study of Second Language Asquisition.* Oxford: Oxford University Press.

Farid , M. Onn dan Ajit Che' Kob 1979. "Pengaruh Bahasa Daerah dalam Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Melayu." dlm. *Laporan Penyelidikan,* Projek Penyelidikan no. 3/79, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fatanah Mohamed 1997. *"Perkaitan Antara Pencapaian Akademik dengan Faktor Personaliti dan Persekitaran Keluarga di kalangan Pelajar MRSM"*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fowler, H. R. 1980. *The Little Brown Handbook*. Little Brown Company.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gevaratnam, Nadeson 1991. *"Satu Analisis Kesalahan Nahu dan Ejaaan dalam Penulisan Bahasa Melayu".* Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Hashim Musa 1984. *Asas Nahu Bahasa Melayu.* Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Terbitan berkala.

Henry Guntur Tarigan, Djago Tarigan 1990. *Pengajaran Analisis Kesalahan Berbahasa.* Bandung: Penerbit Angkasa.

Husin Mahmod 1983. *Kesan Dua Pendekatan Mengajar Karangan Terhadap Markat Pencapaian Karangan Bentuk Imaginatif bagi Pelajar-pelajar Tingkatan Satu.* Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia. dlm. Yahya Othman. 1997

Ibrahim Ahmad 1989. "Analisis Kesalahan Sebagai Satu Pendekatan Pengajaran Bahasa". dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 33: 6 September. hal. 611-614.

Ismail Abdul Rajab 1990. *"Satu Analisis Kesilapan Tatabahasa dalam Penulisan khbar dan Majalah Bahasa Malaysia".* Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Ismail Salleh 2000. "Pembentukan Ayat Majmuk Gabungan dengan Kata Hubung Dan: Beberepa Persoalan Dari Sudut Pengajaran". *Kertas Kerja Persidangan Linguistik Asean 1: Bahasa dan Linguistik di Negara-negara Asean*, Anjuran Jabatan Linguistik, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusian, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 14-16 November, 2000.

Jamaliah Mohd Ali 1990. "Analisis Konstrasif dan Analisis Kesilapan". dlm.*Jurnal Dewan Bahasa.* 34: 5 Mei. hal. 333-339.

Juriah Long 1975. *"Masalah Pencapaian Murid-murid Melayu dalam Peperiksaan Bahasa Melayu do Peringkat MCE."* Tesis MA, Universiti Malaya.

_____ 1993. Pemerolehan Imbuhan Pada Peringkat Prasekolah dan Implikasinya Terhadap Pendidikan Bahasa. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ 1998. "Pengajaran Bahasa Secara Interaktif" dlm. Juriah Long (peny). *Inovasi dalam Perkaedahan Pengajaran Bahasa, Sains Sosial dan Teknologi Maklumat.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Juriah Long dan Dayangku Jauyah Pg. Pamit 1998. "Pengajaran Menulis Melalui Pendekatan Proses". dlm. Juriah Long (peny). *Inovasi dalam Perkaedahan Pengajaran Bahasa, Sains Sosial dan Teknologi Maklumat.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Juriah Long, Raminah Hj.Sabran dan Sofiah Hamid 1994. *Perkaedahan Pengajaran Bahasa Bahasa Malaysia.* Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Kamarudin Husin 1986 . *"Penguasaan Bahasa Malaysia di Kalangan Pelajar Bukan Melayu di Maktab-maktab Perguruan di Kuala Lumpur."* Tesis Sarjana Sains, Universiti Pertanian Malaysia.

Kamus Dewan Edisi Ketiga 1996. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Khatijah Abdul Hamid 1984. *"Analisis Penguasan Sintaksis dalam Karangan Murid-murid Tingkatan 4 di Sebuah Sekolah Menengah".* Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.

_____1995. "Tinjauan Terhadap Pencapaian Tatabahasa dan Semantik dalam Teks Karangan Pelajar di Empat Buah sekolah." dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 42: 7 Julai. hal. 632–641.

_____1997. *"Analisis Kohesi dan Koheran dalam Karangan bahasa Melayu Pelajar Tingkatan 4 di Sebuah Sekolah Menengah."* Disertasi Kedoktoran, Fakulti Pendidikan , Universiti Malaya.

Koh Boh Boon 1981. *Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.

Lado, R. 1961. *Linguistics Across Culture*. Chicago: An Arbor, University Of Chicago Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Leech. G. dan Svartvik. J. 1975. *A Communicative Grammar of English.* London: Longman Group Limited

Leornard P. J. 1934. dlm Raminah Hj. Sabran 1983. *"Satu Analisis Kesilapan Nahu Penutur Jati Bahasa Melayu di Kalangan Guru Pelatih",* Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia 1986. Laporan Prestasi SPM/MCE 1985. dlm. Mohd. Jonit Mohd. Johari. 1996. *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*. 40: 1 hal. 78–87.

Lufti Abas 1977. *Bahasa Malaysia Baru Buku 3*. Kuala Lumpur: Mc. Graw-Hill Far Eastern Publishers (M) Sdn.Bhd.

Majlis Peperiksaan Malaysia 1993. *Laporan Peperiksaan STPM Jilid 1.* Petaling Jaya: Fajar Bakti.

_____1998. *Laporan Peperiksaan STPM Jilid 1.* Petaling Jaya: Fajar Bakti.

_____1999. *Laporan Peperiksaan STPM Jilid 1.* Petaling Jaya: Fajar Bakti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

_____2000. *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu STPM dan soalan-soalan Contoh.*

Mat Daud Yusof 1989. "Teori-teori Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penguasaan Bahasa." dlm. Koh Boh Boon (Peny.) *Perspektif-perspektif dalam Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ 1990. "*Penguasaan Bahasa Melayu Baku di kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan 2 (KBSM): Satu Kajian di Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu, Kelantan.*" Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mc Burney, D.1998. *Research Methods: 4th Edition*. Pittsburgh: Brook/Cole Publishing Company.

Md. Daud Taha, Haji 1992. *"Masalah Penguasaan Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar-pelajar Melayu di Tingkatan Menengah Atas di Negara Brunei Darussalam."* Tesis Sarjana Sains, Universiti Pertanian Malaysia.

Mohamed Nawawi Mohamed Rahace 1994. *"Analisis Kesalahan Bahasa Pelajar Menengah Dua yang Mengambil Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua di Singapura"*. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Mohammad Najib Awang Kecik 1999. *"Kajian Pemakaian Ayat Majmuk dalam Skrip Jawapan Peperiksaan Geografi Pelajar Tingkatan 5"*, Tesis Sarjana Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Mohd. Jonit Mohd. Johari 1993. *"Pengajaran Kemahiran Menulis dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu pada Peringkat Sekolah Menengah Atas"* Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

_____1996. "Kemahiran Menulis Karangan Pada Peringkat Sekolah Menengah Atas: Sukatan Pelajaran, Prestasi, Masalah dan keperluan". dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 40: 1 Januari. hal. 78–87.

Mohd. Majid Konting 1994. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Noor Ishak 1994. "Proses Penghasilan Teks Bertulis". dlm. *Jurnal DewanBahasa*. 38: 1 Januari. hal.12–21.

Mohd Yunus Kamsan 2000. *"Analisis Kesalahan Bahasa dalam Karangan Pelajar Tingkatan 3 di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besar"*. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

